

## BAB KEDUA

### KOLOKASI DALAM BAHASA ARAB

#### 2.0 Pengenalan

Di antara isi "*Memorandum Concerning Language Universals*" yang disampaikan ke Persidangan tentang *Language Universals* yang diadakan di Gould House, Dobbs Ferry, New York, pada 13-15 April, 1961 adalah "*amid infinite diversity, all languages are, as it were, cut from the same pattern. Some interlinguistic similarities and identities have been formalized, others not....*" (Greenberg, 1966: xv). Dari beberapa kajian yang telah dilakukan kemudian dapatlah disimpulkan bahawa "*some interlinguistic similarities and identities*" yang telah dirumuskan adalah keuniversalan kolokasi (Aisenstadt, 1979: 71; El-Gemei, 2006: 434). Setiap bahasa memiliki kolokasi dengan ciri khas masing-masing, termasuk bahasa Arab. Dalam bab kedua ini akan dibahas fenomena kolokasi dalam bahasa Arab, termasuk kajian yang dilakukan oleh pakar bahasa terdahulu dan mutakhir. Kerana yang mempopularkan istilah kolokasi secara teknikal ialah pakar bahasa dari Barat. Maka sebelum membahas kolokasi dalam bahasa Arab, penulis akan membicarakan terlebih dahulu kolokasi secara am, khususnya menurut tradisi kajian Barat.

#### 2.1 Pengertian kolokasi

Kata kolokasi berasal dari bahasa Inggeris *collocation* yang KK-nya adalah *collocate*. Menurut kamus *Collins English Dictionary* (Hanks [Ed.], 1979: 298), kata kerja *collocate* ini berasal dari bahasa Latin *collocāre*, yang berasal dari dua kata *com*

'together' dan *locāre* 'to place', dan kata yang terakhir ini berasal dari kata *locus* 'place'. *Kamus Dewan* (Noresah bt. Baharom, *et al*, 2005: 806) mendefinisikan kolokasi sebagai "hubungan kedudukan atau kewujudan antara satu perkataan dengan yang lain dalam satu susunan (misal dalam ayat); berkolokasi (bagi sesuatu kata yang) kerap kelihatan wujud bersebelahan (berdekatan) antara satu sama lain: kata benda "*baju*" tidak berkolokasi dengan "*lazat*". Harimurti Kridalaksana (2008: 127) memberikan definisi kolokasi sebagai "asosiasi yang tetap antara kata dengan kata lain yang berdampingan dalam kalimat; misalnya antara kata *buku* dan *tebal* dalam *Buku tebal ini mahal*, dan antara *keras* dan *kepala* dalam *Kami sulit meyakinkan orang keras kepala itu*".

Dalam tradisi linguistik Barat, terdapat sejumlah istilah yang merujuk kepada konsep kolokasi sebagaimana yang dikemukakan Su`ad Awab (1999), iaitu: *composite elements; idioms; gambit; multi-word lexemes; lexical phrases; fixed expressions; set phrases and compounds; recurrent word combination* dan *multi-word units*. Menurut Su`ad Awab (1999: 42), *multi-word units* merupakan istilah generik yang mencakupi kolokasi. Pendapat Su`ad Awab, sejalan dengan istilah Salihen Moentaha (2006: 10) yang memberinya nama *rangkaian kata-kata* yang mencakupi *word-group, word-combination*, dan *collocation*.

Biasanya para linguis beranggapan bahawa J.R. Firth ([1951] 1957) adalah yang pertama kali membincangkan konsep kolokasi dengan jargonnya yang terkenal "*You shall know a word by the company it keeps*". Namun, menurut Robins (1967: 21) dan Gitsaki (1999: 10), 2300 tahun lalu para ahli falsafah Yunani telah mengkaji kolokasi sebagai fenomena linguistik dalam hubungannya dengan semantik leksikal. Robins (1967) menyatakan bahawa para ahli falsafah Yunani menolak persamaan "*one word,*

*one meaning*" dan mereka mencadangkan aspek penting daripada struktur semantik bahasa. Mereka percaya bahawa "*word meaning do not exist in isolation, and they may differ according to the collocation in which they are used*" (Robins, 1967: 21).

Idea kolokasi mulai dikenali sejak Palmer (1938) menulis *A Grammar of English Words*, di mana ia mendefinisikan kolokasi sebagai "*successions of two or more words the meaning of which can hardly be deduced from a knowledge of their component words* (1938: iv). Contoh-contoh yang ia berikan seperti *at last, give up, let alone, go without, carry on, as matter of fact, all at once, to say the least of it, give somebody up for lost, throw away, how do you do, dan let alone*. Ia menekankan bahawa setiap gabungan kata tersebut harus dipelajari sama seperti mempelajari satu kata.

Kemudian, Firth (1957: 194) lebih jauh memakai kata kolokasi sebagai istilah teknikal, sehingga "*meaning by collocation*" menjadi mantap sebagai salah satu daripada "*modes of meaning*". Ia menulis "*I propose to bring forward, as a technical term, meaning by 'collocation'*" (Ibid). Ia mencadangkan bahawa "*meaning by collocation*" merupakan makna leksikal pada aras sintagmatik dan bukannya pada aras paradigmatic (Ibid: 196). Hubungan paradigmatic unsur-unsur leksikal terdiri dari sejumlah set kata-kata yang berasal dari kelas yang sama dan dapat dipertukarkan antara satu kata dengan lainnya dalam konteks gramatikal dan leksikal yang khusus. Misalnya dalam ayat *Kami bermain bola*. Antara *kami* dengan *orang itu, saya, dsb.*, terdapat hubungan paradigmatic. Begitu pula antara *bermain, menyepak, mengambil, dsb.* Hubungan antara unsur-unsur itu dikatakan hubungan *in absentia* (Harimurti Kridalaksana (2008: 86). Sementara itu, hubungan sintagmatik unsur-unsur leksikal berkenaan dengan kebolehan sebuah kata untuk berkombinasi dengan kata lainnya, iaitu hubungan linier dalam

tataran tertentu. Misalnya, hubungan antara *kami*, *bermain* dan *bola* dalam ayat *Kami bermain bola*. Hubungan seperti ini disebut hubungan *in praesentia* (Ibid) Oleh sebab itu, upaya yang dilakukan oleh Firth bagi menjelaskan makna kata pada aras kolokasi merupakan upaya yang unik, kerana ianya berkenaan dengan hubungan makna antara unsur-unsur leksikal dilihat dari aras hubungan sintagmatik dan bukannya dari pandangan tradisional hubungan paradigmatis seperti sinonimi dan antonimi. Hubungan sintagmatik antara kata-kata dalam sebuah ayat secara mendalam didiskusikan dalam linguistik struktural.

Firth (1968: 182) memberikan contoh kolokasi dengan dua buah kata *dark* dan *night* sebagai kolokasi KA + KN. Ia menegaskan bahawa salah satu makna *night* adalah kebolehannya berkolokasi dengan *dark*, dan salah satu makna *dark* adalah kebolehannya berkolokasi dengan *night*. Dengan perkataan lain, pemerian makna sebuah makna yang lengkap harus mencakupi kata lainnya yang berkolokasi dengannya. Firth kemudian (1968: 182) mendefinisikan kolokasi sebagai "*the company that words keep*". Ia menyatakan bahawa betapa pentingnya mengenali kata-kata yang selalu menyertai kata yang hendak diketahui maknanya.

Ghazala (2004: 1) yang menyebut kolokasi dengan *الْمُتْلَازِمَاتُ اللَّفْظِيَّةُ* /al-mutalāzimāt al-lafziyyat/ mendefinisikan kolokasi dengan sangat sederhana:

"أَيُّ جَمْعٍ أَوْ تَرْكِيْبٍ لَفْظِيٍّ ثَابِتٌ لَا يَتَغَيَّرُ، بِمَا فِي ذَلِكَ التَّعَابِيرُ الثَّابِتَةُ بِالدَّرَجَةِ الْأُولَى، وَالْأَقْوَالُ الْمَأْتُوْرَةُ الْمُتَدَاوِلَةُ، وَالتَّعَابِيرُ الْإِصْطِلَاحِيَّةُ الثَّابِتَةُ بِالدَّرَجَةِ الثَّانِيَةِ..."

"kombinasi kata yang tetap tidak berubah termasuk di dalamnya ungkapan-ungkapan tetap pada peringkat pertama, dan peribahasa dan idiom pada peringkat kedua..."

Tak jauh berbeza dari apa yang diungkapkan Ghazala, Abū al-'Azm, (2006: 34)

mengemukakan pengertian kolokasi sebagai berikut:

"وَحَدَّةٌ لُّغَوِيَّةٌ إِسْمِيَّةٌ أَوْ فِعْلِيَّةٌ، مُكَوَّنَةٌ مِنْ كَلِمَتَيْنِ أَوْ أَكْثَرٍ، يَنْشَأُ عَنِ ارْتِبَاطِهَا مَعْنَى جَدِيدٌ  
يَخْتَلِفُ كُلِّيًّا عَمَّا كَانَتْ تَدُلُّ عَلَيْهِ مَعَانِيهَا اللَّغَوِيَّةُ الْأَصْلِيَّةُ مُنْفَرَدَةً، حَيْثُ تَنْتَقِلُ بِذَلِكَ إِلَى  
دَلَالَاتٍ إجتماعيةٍ وسياسيةٍ وثقافيةٍ ونفسيةٍ واصطلاحيةٍ"

Satuan bahasa yang bermula dengan kata nama atau kata kerja, terdiri dari dua perkataan atau lebih, dari keterikatan satu dengan yang lainnya itu membentuk sebuah makna baru yang berbeza sama sekali dari makna asal dari setiap perkataan tersebut secara sendiri-sendiri, sehingga makna baru tersebut berubah menjadi makna sosial, politik, budaya, kejiwaan dan peristilahan.

Definisi ini merupakan kesimpulan dari pengalamannya menyusun kamus khusus tentang kolokasi yang pada tahap pertama telah berjaya mengumpulkan 30.000 entri, dan pada tahap kedua telah ditambah lagi sehingga mencapai 65.000 entri. Meskipun demikian, masih ditemukan sejumlah masalah, di antaranya menentukan mana yang kolokasi dan mana yang bukan, bagaimana mengkoordinasikan antara kolokasi-kolokasi dalam satu entri, di samping metode penyusunannya secara tartib, dan sejauh mana perkembangan makna dapat dipertimbangkan sebagai bahagian daripadanya.

## 2.2 Kolokasi, ungkapan, idiom, dan peribahasa

Dari beberapa defenisi kolokasi di atas, tampak bahawa kolokasi merupakan bahagian dari ungkapan. Sebagaimana akan dikemukakan dalam pembahasan selanjutnya, banyak linguis Arab tidak begitu peduli dengan perbezaan antara jenis ungkapan-ungkapan itu. Contoh-contoh yang mereka berikan boleh berlaku untuk

kolokasi, peribahasa, idiom, ungkapan kontekstual, atau pun ungkapan tetap. Kecenderungan seperti ini juga dianut oleh penulis dengan alasan, bahasa dalam praktik penterjemahan, semua ungkapan itu merupakan masalah tersendiri yang kesukarannya nyaris tidak berbeza antara ungkapan yang satu dengan ungkapan yang lainnya.

Fāyid (2006) melihat bahawa kolokasi merupakan bahagian daripada ungkapan, sebagaimana halnya ungkapan kontekstual dan idiom. Ia mendefinisikan kolokasi dengan:

بِجُمُوعَةٍ مِنَ الْكَلِمَاتِ لَهَا مَعْنَى مُحَدَّدَةٌ، تَمِيلُ إِلَى الْإِزْتِبَاطِ بِبَعْضِهَا، بِحُكْمِ الْإِلْفِ وَالْعَادَةِ،  
بِضَوَابِطٍ خَاصَّةٍ.

kumpulan perkataan yang memiliki makna terhad, cenderung kepada berkaitan satu dengan lainnya yang ditentukan oleh kebiasaan dan dengan peraturan-peraturan khusus"

Linguis Barat, Robins (1992: 82) berpendapat bahawa idiom adalah kolokasi khusus. Istilah idiom digunakan bagi merujuk kepada kolokasi yang dipakai kerana kebiasaan; kolokasi ini mengandungi lebih dari satu kata dan cenderung dipakai bersama-sama, dengan fungsi semantis yang tidak mudah disimpulkan apabila kata-kata komponen tersebut dipakai secara terpisah satu sama lain. *Kamus Dewan* (Noresah bt. Baharom, *et al*, 2005: 1771) memberikan pengertian ungkapan, "1. susunan kata yang digunakan dalam percakapan (tulisan), frasa atau rangkai kata yang tertentu susunan katanya; 2. gabungan (kelompok) kata yang khusus (tertentu) untuk menyatakan sesuatu maksud, simpulan bahasa". Pengertian ini tentunya berlaku untuk kolokasi, idiom dan peribahasa. Sememangnya, makna sebuah ungkapan tidak sama dengan gabungan makna bahagian-bahagiannya, sehingga ungkapan dapat pula berupa idiom. Menurut

Maman S. Mahayana, *et al* (1997: xv) apa yang disebut sebagai ungkapan sekurang-kurangnya harus memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Ungkapan terdiri atas dua kata atau lebih yang membentuk satu makna.
2. Ungkapan merupakan satu konstruksi yang maknanya dalam hubungan semantik.
3. Ungkapan tidak dapat disisipi atau disela oleh unsur lain.
4. Ungkapan maknanya tidak dapat ditelusuri berdasarkan makna anggota-anggota yang membentuknya, atau maknanya dapat ditelusuri hanya dari satu anggotanya yang menjadi bahagian inti dari ungkapan yang bersangkutan.
5. Ungkapan dapat berupa frasa, klausa, atau ayat, dan maknanya bukan dalam hubungan sintaksis.
6. Ungkapan boleh juga berupa idiom.

Kolokasi FK yang terdiri daripada KK + KSN merupakan sumber utama idiom dalam bahasa Arab (Mir, 1989: 5). KSN dalam bahasa Arab berpengaruh besar terhadap makna KN dan KK sehingga dapat mengubah maknanya atau menjadikannya makna antonim, seperti KK رَغِبَ /raghiba/. Apabila berkolokasi dengan KSN فِئ /fi/ maknanya 'menyukai', tetapi manakala berkolokasi dengan KSN عَن /'an/ bermakna 'membenci' (al-Rajhīy, 2004: 415). Makkai (1972: 135) memasukan *phrasal verb idiom* sebagai jenis dari idiom leksemik (*lexemic idiom*).

Kolokasi dengan pola KK + Prt ini dalam bahasa Inggeris dikenal dengan *phrasal verb*, dalam istilah linguistik Indonesia disebut "verba berpreposisi" yang diberi

definisi sebagai ”verba (iaitu KK) tak transitif yang selalu diikuti oleh preposisi (iaitu KSN) tertentu”. Seperti, *tahu akan* atau *tahu tentang*, *berbicara tentang*, *berminat pada*, dan *bergantung pada* dalam ayat-ayat berikut:

- (45) Kami belum *tahu akan/tentang* hal itu.
- (46) Saya sering *berbicara tentang* hal itu.
- (47) Sofyan *berminat pada* musik.
- (48) Keberhasilan pembangunan banyak *bergantung pada* mentalitas para pelaksananya. (Alwi *et al*,1998: 95).

Bentuk KK tak transitif yang selalu berkolokasi dengan KSN seperti ini dalam bahasa Arab dikenal dengan *الأفعال المتعدية بحرف* /al-af‘āl al-muta‘addiyah bi ḥarf/ ’KK yang menjadi transitif dengan KSN’. Kerana penting dan banyak jumlahnya, al-Aḥmadiy (1986) telah berjaya menyusun kamus khusus iaitu *مُعْجَمُ الْأَفْعَالِ الْمُتَعَدِّيَةِ بِحَرْفٍ* /mu‘jam al-af‘āl al-muta‘addiyat bi ḥarf/ ’kamus KK yang menjadi transitif dengan KSN’. Keberadaan KSN, selain mengubah KK tak transitif menjadi transitif, juga mengubah maknanya. Misalnya, KK *ذَهَبَ* /dhahaba/ ’.

- (49) *ذَهَبَ الْوَلَدُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ*  
/dhahaba al-waladu ilā al-madrasat/  
‘Budak itu pergi ke sekolah’

- (50) ﴿... ذَهَبَ اللَّهُ يَنْوِرُهُمْ ...﴾  
‘... Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka,...’

(Surah al-Baqarat 17)



Dalam contoh (49) KK ذَهَبَ /dhahaba/ berbentuk tak transitif dan mengandung makna asal ‘pergi’, sedangkan dalam contoh (50) dengan wujudnya KSN بَ /bi/ selain berubah menjadi transitif juga maknanya berubah menjadi ‘(meng)hilangkan’.

Perbedaan secara umum antara kolokasi, idiom dan ungkapan tetap dijelaskan oleh Baker (1992: 63) bahwa kolokasi merupakan pola bahasa yang agak fleksibel di mana membolehkan beberapa variasi bentuk. Dalam bahasa Inggris misalnya, *deliver a letter, delivery of a letter, a letter has been delivered, dan having delivered a letter*, semuanya merupakan kolokasi yang dapat diterima. Sebagai tambahan, walau makna dari sebuah kata sering bergantung pada kata lain yang berkolokasi dengannya, kita masih dapat mengatakan bahwa kata yang berkenaan mempunyai makna tersendiri dalam kolokasi tertentu. Oleh itu, kolokasi *dry cow* bermakna ‘lembu yang tidak mengeluarkan susu’. Kita masih dapat mengenal makna khusus yang berkaitan dengan kata *dry* dalam kolokasi ini, dan tentu saja makna *cow* masih tetap mengekalkan maknanya yang dikenali iaitu ‘lembu’. Hal ini berbeza dari idiom dan ungkapan tetap yang tidak memiliki “*flexibility of patterning and transparency of meaning*” (Baker, 1992: 63). Idiom dan ungkapan tetap merupakan pola-pola bahasa yang beku yang membolehkan sedikit variasi bentuk. Khususnya dalam idiom, maknanya “tidak dapat ditelusuri berdasarkan makna anggota-anggota yang membentuknya” (lihat syarat ungkapan yang dikemukakan oleh Maman S. Mahayana di atas). Idiom seperti *bury the hatchet* : ‘forget past quarrels, and become friends’ (Freeman, 1981: 25) atau *the long and the short of it* : ‘the whole position or situation briefly stated’ (Ibid: 111) tidak dapat diubah bentuknya dalam keadaan biasa. Kalau pun ada perubahan bentuk, hal itu

dilakukan ketika seseorang bergurau senda atau bermain kata. Menurut Baker, pembicara dan penulis biasanya tidak melakukan hal-hal berikut terhadap idiom:

1. Mengubah urutan kata. Misalnya, \* *the short and the long of it* dari “*the long and the short of it*”.
2. Menghapuskan kata. Misalnya \* *spill beans* dari “*spill the beans*” ‘membocorkan rahasia’.
3. Menambah kata. Misalnya \* *the very long and short of it*.
4. Mengganti kata dengan kata lain. Misalnya \* *the tall and the short of it*.
5. Mengubah struktur nahu. Misalnya \* *the music was faced* dari asalnya “*face the music*” ‘menghadapi bahaya atau kesusahan tanpa rasa takut’ (Salim, 1991: 297).

Sementara itu, ungkapan tetap – sesuai dengan namanya – hanya membolehkan sedikit variasi atau bahkan tidak ada variasi sama sekali. Misalnya *having said that, as a matter of fact* ‘sebenarnya, sesungguhnya’ *Ladies and Gentleman* ‘Puan-puan dan Tuan-tuan’ dan *all the best* ‘yang sebaik-baiknya’ (Salim, 1991: 26). Keadaannya sama seperti peribahasa, seperti *practise what you preach* ‘biasakan mengamalkan nasihatmu’ dan *waste not want not* ‘hemat pangkal kaya’ (Ibid: 954). Berbeza dari idiom, ungkapan tetap dan peribahasa sering memiliki makna yang agak jelas. Makna *as a matter of fact* dapat dengan mudah ditelusuri dari makna kata-kata yang membentuknya, yang berbeza dari makna idiom seperti *pull a fast one* ‘menipu seseorang’ (Ibid: 669) atau *fill the bill* ‘memenuhi persyaratan’ (Ibid: 312).

Namun, meskipun memiliki makna yang jelas, ungkapan tetap atau peribahasa maknanya sekurang-kurangnya lebih dari sekadar gabungan makna kata-katanya.

Tentang perubahan yang berlaku dalam idiom Arab, *Siniy et al* (1996: ط) menjelaskan bahawa perubahan tersebut berkaitan dengan kaedah nahu, iaitu:

1. Kala, di mana idiom boleh muncul dalam bentuk KK الْمَاضِي /al-māḍiy/ 'kala lampau', الْمُضَارِع /al-muḍāri/ 'kala kini atau akan datang', dan bentuk الْأَمْر /al-amr/ 'perintah'. Misalnya: أَعْطَاهُ الضَّوَّءَ الْأَخْضَرَ /a'tāhu al-ḍaw' al-akhḍar/ 'ia telah memberinya lampu hijau', maksudnya 'ia telah memberinya kebenaran'; يُعْطِيهِ الضَّوَّءَ الْأَخْضَرَ /yu'tīhi al-ḍaw' al-akhḍar/ 'ia sedang (akan) memberinya kebenaran'; أَعْطِهِ الضَّوَّءَ الْأَخْضَرَ /a'tīhi al-ḍaw' al-akhḍar/ 'Berilah ia kebenaran'
2. Diri, sehingga bergantung pada orang yang bercakap, penutur (orang pertama), orang yang menerima percakapan (orang kedua), atau orang yang tidak hadir (orang ketiga). Idiom أَطْلَقَ لَهُ الْعِنَانَ /aṭlaqa lahu al-'inān/ 'membiarkannya berbuat sesuka hati', dapat berubah bentuknya bergantung pada diri penggunanya: أَطْلَقْتُ لَهُ الْعِنَانَ /aṭlaqtu lahu al-'inān/ 'saya membiarkannya berbuat sesuka hatinya'; أَطْلَقْتَ لَهُ الْعِنَانَ /aṭlaqta lahu al-'inān/ 'Anda membiarkannya berbuat sesuka hatinya'; أَطْلَقْتُمْ لَهُ الْعِنَانَ /aṭlaqtum lahu al-'inān/ 'Ia (f) membiarkannya berbuat sesuka hatinya'.
3. Bilangan, sama ada tunggal, dualis (jamak yang mengatakan banyaknya dua), atau jamak. Idiom نَظَرَ فِي الْأَمْرِ /nazara fī al-amri/ 'mengkaji, mempelajari perkara' bentuknya akan berubah sesuai dengan bilangan

subjek dari KK-nya: نَظَرَ فِي الْأَمْرِ /nazara fi al-amri/ 'ia mengkaji, mempelajari perkara itu' = tunggal; نَظَرًا فِي الْأَمْرِ /nazarā fi al-amri/ 'mereka berdua mengkaji, mempelajari perkara itu' = dualis; نَظَرُوا فِي الْأَمْرِ /nazarū fi al-amri/ 'mereka mengkaji, mempelajari perkara itu' = jamak.

### 2.3 Kolokasi di dalam leksikografi Arab

Walaupun tidak dikaji secara tersendiri, kolokasi masih mendapat perhatian yang penting di dalam leksikografi Arab. Hal ini tampak di dalam sejumlah besar dari tesaurus kolokasi ekabahasa Arab yang dihasilkan oleh para pakar bahasa Arab. Di antaranya adalah بَجَعَةُ الرَّائِدِ /naj'at al-rā'id/ karya al-Yazijīy (1970) dan كِتَابُ فِئَةِ اللُّغَةِ وَكِتَابُ فِئَةِ الْعَرَبِيَّةِ /kitāb fiqh al-lughah wa sirr al-'arabiyyat/ karya al-Tha'ālabīy (Wafat 429 H/1038 M) (1981).

Masing-masing membagi kosa kata bahasa Arab ke dalam pelbagai topik-topik konseptual. Di bawah setiap topik, beberapa ungkapan, kolokasi, materi kosa kata, dan sinonim-sinonim yang menandakan konsep disenaraikan. Misalnya, al-Yazijīy, ketika menyenaraikan kata dan ungkapan yang berkenaan dengan kekuatan dan kelemahan fizikal seseorang, ia memberi tajuk فَصْلٌ فِي قُوَّةِ الْبِنْيَةِ وَضَعْفِهَا /faṣḥun fi quwwat al-binyat wa ḍu'fihā/ 'fasal tentang kekuatan dan kelemahan fizikal'. Dalam fasal ini sejumlah kolokasi ditemukan seperti:

- (51) رَجُلٌ قَوِيٌّ الْبِنْيَةِ  
/rajulun qawiyu al-binyat/  
'lelaki yang berbadan kuat'.

Kolokasi قَوِيُّ الْبِنْيَةِ /qawiyu al-binyaṭ/ 'berbadan kuat' ini bersinonim dengan sejumlah kolokasi lainnya yang terdapat dalam fasal tersebut seperti: شَدِيدُ الْأَسْرِ /syadīd al-asr/, مُسْتَحْكَمُ الْخَلْقَةِ /mustahkam al-khilqat/, مُجْتَمَعُ الْخَلْقِ /mujtama' al-khalq/, مَعْصُوبُ الْخَلْقِ /ma'sūb al-khalq/, مَجْدُولُ الْخَلْقِ /majdūl al-khalq/, مُدْمَجُ الْخَلْقِ /mudmaj al-khalq/, وَثِيقُ التَّرْكِيبِ /wasīq al-tarkīb/<sup>1</sup>.

Dalam fasal tentang tingkatan manusia, haiwan, keadaannya dan segala sesuatu yang berkaitan dengannya, al-Tha'ālabīy (1981: 51), memberikan sejumlah kolokasi sebagai berikut:

- (52) رُبُوضُ الْعَنَمِ مِثْلُ بُرُوكِ الْإِبِلِ وَجُثُومِ الطَّيْرِ وَجُلُوسِ الْإِنْسَانِ  
 /rubūd al-ghanam miṣl burūk al-ibl wa juṣum al-ṭayr wa julūs al-insān/  
 'berbaringnya kambing seperti berlututnya unta, menetapnya burung, dan duduknya manusia'.

Dengan ungkapan seperti ini, al-Tha'ālabīy memberikan petunjuk kepada kita tentang kolokasi yang digunakan untuk mengungkapkan perihal duduk bagi manusia, haiwan, dan unggas yang masing-masing memiliki istilah tersendiri. رُبُوضُ /rubūd/ 'berbaring' adalah perihal duduknya kambing, بُرُوكُ /burūk/ 'berlutut' perihal duduknya unta, جُثُومُ /juṣum/ 'menetap' perihal duduknya burung, dan جُلُوسُ /julūs/ 'duduk' perihal duduknya manusia. al-Tha'ālabīy (1981: 51) juga memberikan ungkapan tentang bagian tubuh binatang yang berbeza dengan manusia:

<sup>1</sup> Kolokasi seperti ini termasuk dalam kategori Kolokasi KA + KN (Idāfaṭ) yang dibincangkan secara rinci dalam sub-bab 6.1.1.6.

(53) خَلْفُ النَّاقَةِ بِمَنْزِلَةِ ضَرْعِ الْبَقْرَةِ وَثَدْيِ الْمَرْأَةِ

/khilfu al-nāqat̄ bi manzilāt̄ dar'i al-baqarat̄ wa thadyi al-mar'at̄/

'tetek unta betina kedudukannya sama dengan tetek lembu betina dan buah dada wanita'.

Dengan ungkapan ini, kita dapat mengetahui bahawa kata ثَدْيٍ /thadyun/ khusus bagi manusia, dan tidak mungkin digunakan untuk haiwan, dan untuk haiwan sendiri dibezakan antara unta betina dan lembu betina.

Kajian kolokasi dalam kamus sama ada yang klasik seperti لِسَانُ الْعَرَبِ /lisān al-'arab/ atau kamus komtemporari seperti الْمُعْجَمُ الْوَسِيطُ /al-mu'jam al-wasīṭ/ dan الْمُعْجَمُ الْعَرَبِيُّ الْأَسَاسِيُّ /al-mu'jam al-'arabīy al-asāsīy/ dilakukan dalam pertemuan antarabangsa tentang "Kolokasi dalam Kamus-kamus Arab" yang diadakan di Fakulti Sastera dan Ilmu-ilmu Kemanusiaan, 'Ayn al-Syiqq, tarikh 24-26 Mac, 2005, Universiti al-Hasan II.

Keberadaan kolokasi dalam kamus لِسَانُ الْعَرَبِ /lisān al-'arab/ dikaji oleh 'Abd al-Razzāq bin 'Umar (2006: 143-168). Kamus klasik karya Ibn Manẓūr<sup>2</sup> yang diterbitkan pertama kali di percetakan Bulāq, Mesir pada tahun 1300 H ini sebagaimana kamus-kamus bahasa Arab umum, entrinya berdasarkan pada akar kata dan bukannya unsur-unsur leksikal yang tersusun. Kerananya, 'Abd al-Razzāq bin 'Umar menghadkan penyelidikannya pada teks-teks definisi yang memberi penjelasan tentang kata. Kerana fokus kamus ini pada kata, pelbagai kolokasi ditemukan secara berturut-turut dalam definisi yang tersebar secara tidak teratur. Dalam bab al-Hamzat̄, 'Abd al-Razzāq bin 'Umar menemukan bahawa Ibn Manẓūr mengemukakan banyak ungkapan yang pada mulanya berasal dari bab lain, di antaranya:

---

<sup>2</sup> Nama lengkapnya Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Manẓūr al-Afriqīy al-Anṣārīy al-Khazrajīy al-Miṣrīy (650-711 H) (Abū Sikkīn, 1978: 92).

- (54) رَجَعَ (فُلَانٌ) إِلَى عَكْرِهِ  
/raja‘a (fulān) ilā ‘akrihi/

dijelaskan dengan إِلَى مَا كَانَ عَلَيْهِ /ilā mā kāna ‘alayhi/ 'ke keadaan semula'. Penjelasan ini muncul manakala ia mendefinisikan kata أَخَذَ /akhadha/ (jilid 1, muka surat 117);

- (55) طَلَبَ الْأَبْلَقَ الْعُقُوقَ  
/ṭalaba al-ablaqa al-‘aqūqa/

Ibn Manzūr menjelaskannya dengan طَلَبَ الْمُسْتَحِيلَ وَمَا لَا يَكُونُ //ṭalaba al-mustaḥīla wa mā lā yakūn/ 'mencari sesuatu yang mustahil dan tidak bakal berlaku'. Penjelasan ini muncul ketika mendefinisikan kata أَنْقَى /anaqa/ (jilid I, muka surat 117).

- (56) مِنْ شُبِّ إِلَى دُبِّ  
/min syubba ilā dubba/

seperti dalam ayat فَعَلَ مُذْ كَانَ صَغِيرًا إِلَى أَنْ دَبَّ كَبِيرًا /fa‘ala mudh kāna ṣaghīran ilā an dabba kabīran/ 'mengerjakan sesuatu dari sejak kecil sehingga menjadi dewasa'. Ungkapan ini muncul ketika mendefinisikan kata أَيْنَ /ayna/ (jilid I, muka surat 147).

Menurut ‘Abd al-Razzāq bin ‘Umar, tak satu pun dalam akar kata yang membentuk kolokasi di atas yang menunjukkan kemunculan yang berturut-turut dalam bab al-Hamzaṭ dalam entri-entri tersebut, sebagaimana kita lihat, bahkan beberapa unsur leksikal yang membentuk kolokasi tersebut disebutkan semula di tempat lain secara acak di banyak tempat, misalnya: طَلَبَ الْأَبْلَقَ الْعُقُوقَ /ṭalaba al-ablaqa al-‘aqūqa/ muncul

manakala mendefinisikan leksem بَلَقَ /balaq/ (jilid 1, muka surat 259) dan leksem عَقَقَ /‘aqaqa/ (jilid 4, muka surat 844); أَغْيَيْتَنِي مِنْ شُبِّ إِلَى دُبِّ /a‘yaytanī min syubba ilā dubba/ 'kamu meletihkanku dari sejak kecil hingga dewasa' dalam mendefinisikan leksem دَبَبَ /dababa/ (jilid 2, muka surat 938) dan شَبَّ /sy-b-b/ (jilid 3, muka surat 260).

Susunan khas kolokasi seperti ini, menurut ‘Abd al-Razzāq bin ‘Umar adalah faktor yang menyebabkan munculnya ungkapan-ungkapan tersebut berkali-kali dalam definisi yang diberikan oleh Ibn Manẓūr. Namun, satu hal yang mempertegas bahawa kemunculan ungkapan-ungkapan tersebut tidak sengaja dimunculkan sebagai sebuah fenomena kolokasi iaitu Ibn Manẓūr tidak memperlakukan kolokasi yang termasuk kategori الشَّدِيدَةُ التَّوَاتُرُ /al-syadīdah al-tawātur/ 'sangat kerap berulang-ulang' dengan sepatutnya. Misalnya:

(57) وَقَعَ فِي سَلَى جَمَلٍ  
/waqa‘a fī salā jamal/

Ibn Manẓūr memberikan definisi فِي أَمْرٍ لَا مَخْرَجَ لَهُ /fī amrin lā makhraja lahu/ 'masuk dalam perkara yang tidak mempunyai jalan keluar'. Ungkapan ini muncul apabila mendefinisikan leksem سَلَى /salā/ (jilid 3, muka surat 197). Ibn Manẓūr menganggapnya sebagai peribahasa yang memang "sangat kerap berulang-ulang". Namun demikian, ungkapan ini tidak wujud dalam definisi leksem جَمَلٍ /jamal/ (jilid 1, muka surat 501-503), tidak pula dalam definisi وَقَعَ /waqa‘a/ (jilid 6, muka surat 966-969), padahal



kedua-dua leksem tersebut merupakan unsur leksikal asasi yang membentuk ungkapan di atas yang kewujudannya tidak boleh tidak bagi menghasilkan makna yang dimaksud.

(58) دَبَّ الشَّرَابُ فِي العُرُوقِ  
/dabba al-syarāb fi al-‘urūq/

Secara harfiah ungkapan di atas bermakna 'minuman menyerap dalam urat'. Ibn Manzūr memberi penjelasan *أَيَّ تَحَسَّنَتْ حَالُهُ وَصِحَّتْهُ* /ay taḥassanat ḥāluhu wa siḥḥatuhu/ 'maksudnya, keadaan dan kesihatannya menjadi baik'. Ungkapan ini wujud dalam mendefinsikan leksem *دَبَبَ* /dababa/ sahaja (jilid 2, muka surat 938) dan tidak wujud apabila mendefinsikan leksem *شَرِبَ* /syariba/ (jilid 3, muka surat 287-290) dan *عَرِقَ* /‘irq/ (jilid 10, muka surat 749-753).

Kewujudan kolokasi bahasa Arab secara berulang dalam kamus kontemporari diantaranya dikaji oleh al-Wadranīy (2006), Laḥmāmīy (2006), dan al-Naşrāwīy (2006). Dengan tajuk *مَنْزِلَةُ الْمُتَلَازِمَاتِ فِي المُعْجَمِ الوَسِيطِ* /manzilat al-mutalāzimāt fī al-mu‘jam al-wasīt/ 'kedudukan kolokasi dalam al-mu‘jam al-wasīt/.

Al-Wadranīy (2006:198) menemukan kolokasi hanya sejumlah 158 buah sahaja dari 31080 entri dalam kamus *المُعْجَمِ الوَسِيطِ* / al-mu‘jam al-wasīt/. Hal itu tidak menghairankan baginya, kerana mukadimah kamus ini memang tidak mengisyaratkan kewujudan fenomena linguistik ini, sehingga kamus ini tidak memiliki entri *تَلَازَمَ* /talāzama/ 'berkolokasi' sama ada sebagai entri utama atau sebagai entri tambahannya. Selain itu, al-Wadranīy menemukan bahawa ke-158 buah kolokasi tersebut tersebar dalam 34 medan makna yang tak lepas dari masalah wujud, umat manusia serta perasaan yang dirasainya atau perbuatan yang berlaku. Dari hasil kajiannya itu, al-Wadranīy

berkeyakinan bahawa kolokasi yang terdapat dalam kamus ini tidak lain dari apa yang dihasilkan oleh zaman dahulu sekali, kerana ia tak menemukan satu kolokasi pun yang mengungkapkan aktifitas masa kini atau masa lampau yang dekat. Keyakinan al-Wadranīy berdasarkan pada empat bukti, iaitu:

a) Pertama, yang berkaitan dengan struktur semantik bagi unsur-unsur yang membentuk kolokasi. Majoriti unsur-unsur ini merujuk kepada rujukan-rujukan primitif seperti yang berkaitan dengan ciptaan manusia (ketiak, mulut, rahsia-rahsia wajah, perut, tulang selangka, leher unta bagian depan, daging pinggang, taring, geraham, dsb); atau yang berkaitan dengan alam semula jadi atau yang terdapat di tengah-tengah masyarakat Badwi (kayu api, duri, kuku haiwan, sayap, angin, unta, ekor, pelana, burung kasuari, batuan, katak, tali khemah, padang pasir yang tak memiliki sumber air, unta, kuda bibit, dsb); atau yang berkaitan dengan pekerjaan tradisional (mengekan, memerah, bertempiran, menggosok-gosok, mematahkan, makan, memintal, menyinsing, mendadiah, melarutkan, menjadikan (sesuatu) sebagai makanan utama, menunggang, memukul, berjalan, buang angin, bercelak, dsb).

b) Kedua, berkaitan dengan sejumlah besar *أَلْفَاظُ الْمَهْجُورَةِ* /al-alfāz al-mahjūrat/ 'perkataan-perkataan arkaik' atau yang jarang digunakan pada masa kini sebagai salah satu unsur kolokasi seperti:

- *الْأَثَائِي* /al-asāfi/ bentuk jamak dari *الْأُثْفِيَّة* /al-uthfiyyat/ 'salah satu dari tiga batu tempat meletakkan periuk' dalam kolokasi *ثَالِثَةُ الْأَثَائِي* /thālithat al-athāfiy/ 'salah satu dari tiga batu tempat meletakkan periuk' dan digunakan dalam ungkapan *رَمَاهُ بِثَالِثَةِ الْأَثَائِي* /ramāhu bi thālithat al-athāfiy/

'melemparnya dengan salah satu dari tiga batu tempat meletakkan periuk ' yang dijelaskan dengan *بِدَاهِيَةِ كَالْجَبَلِ* /bi dāhiyaṭ ka al-jabal/ 'dengan malapetaka seperti gunung'. Maksudnya, menimpakan malapetaka yang sangat berat, seakan-akan menimpakan gunung padanya.

- *الْبَحْتَرِيَّةِ* /al-bakhtariyyat/ bentuk feminin dari *الْبَحْتَرِي* /al-bakhtariy/ 'cara berjalan orang yang membanggakan dirinya sendiri (sombong)' dalam ungkapan *فُلَانٌ يَمْشِي الْبَحْتَرِيَّةِ* /fulān yamsyī al-bakhtariyyat/ 'fulan berjalan dengan sombong'.
- *الْبَانِيَّةِ* /al-bāniyat/ 'salah satu daripada tulang rusuk' dan *الْبِنَاءِ مِنَ الْبِنَاءِ* /al-bāniyat min al-binā'/ 'fondasi daripada bangunan' bentuk jamaknya *بَوَانٍ* /bawānin/. Perkataan ini digunakan dalam ungkapan-ungkapan *الْقَى فُلَانٌ* /alqā fulān bawāniyahu/ yang secara harfiah bererti 'seseorang melemparkan salah satu dari tulang rusuknya' tetapi yang dimaksud adalah *أَقَامَ بِالْمَكَانِ* /aqāma bi al-makān/ 'bermukim di suatu tempat'.
- *جُمَارَى* /jumārā/ dalam ungkapan *جَاءَ الْقَوْمُ جُمَارَى* /ja'a al-qawmu jumārā/ 'kaum tiba semuanya'.
- *الْحَقْوِ* /al-ḥaqw/ 'pinggang' yang digunakan dalam ungkapan *نَزَلَ فِي الْمَاءِ حَتَّى حَقْوُهُ* /nazala fī al-mā'i ḥattā ḥaqwahu/ 'turun dalam air sehingga pinggangnya'.

Atau perkataan yang menurut al-Wadraniy sama sekali tidak pernah digunakan semula seperti KK *أَوْبَسَ* /awbasa/ yang bentuk *muḍāri'*nya *يُؤْبِسُ* /yūbisu/ dalam perkataan orang Arab: *لَا تُؤْبِسُ الثَّرَى بَيْنِي وَبَيْنَكَ* /la tūbis al-tharā baynī wa baynaka/ yang

diertikan dengan لَا تُقَاتِعْنِي /lā tuqāti‘nī/ 'jangan memutuskanku'. Alasan mengapa al-Wadranīy beranggapan bahawa KK أُوْبَسَ /awbasa/ ini sama sekali tidak digunakan semula adalah kerana kamus الْمُعْجَمُ الْوَسِيطُ /al-mu‘jam al-wasīṭ/ memang sama sekali tidak menjelaskannya dan hanya mencantumkan sekali sahaja dan itu pun dalam ungkapan sebagaimana tersebut di atas di bawah entri KN الثَّرَى /al-tharā/ 'bumi, embun, debu'.<sup>3</sup>

c) Ketiga, sebagai akibat dari adanya kedua-dua bukti di atas dan berkaitan dengan bentuk stilistik yang memberi kesan pada makna kolokasi, maka muncullah ungkapan-ungkapan yang dipengaruhi lingkungan masyarakat Badwi tradisional lama atau bahkan kehidupan primitif, seperti أَفْرَخَتْ بَيْضَتُهُ /afrakhat baydatuhu/ 'telurnya menetas', جَلَّفَ الدَّهْرُ فُلَانًا /jallafa al-dahru fulānan/ erti harfiyahnya 'usia menguliti seseorang', dan yang dimaksud adalah 'usia membinasakan harta benda seseorang', وَقَعَ الْحَافِرُ عَلَى الْحَافِرِ /waqa‘a al-ḥāfir ‘alā al-ḥāfir/ secara harfiah bererti 'kuku haiwan mengenai kuku haiwan', namun yang dimaksud adalah تَوَافُقُ أَمْرَيْنِ /tawāfuq amrayn/ 'dua perkara bersesuaian'<sup>4</sup>, رَكِبَ ذَنْبَ الْبَعِيرِ /rakiba dhanab al-ba‘īr/ yang secara harfiah bererti 'menunggang ekor unta' namun yang dimaksud adalah رَضِيَ بِحِظِّ نَاقِصٍ /raḍiya bi ḥazzin nāqis/ 'menerima nasib yang kurang', مَشَوْا بِأَذَانِ النَّعَامِ الْمُصَلَّمِ /masyaw bi ādhāni al-ni‘ām al-muṣallam/ yang secara harfiah bererti 'mereka berjalan dengan telinga-telinga burung kasuari yang terpotong', iaitu kiasan daripada kehinaan atau ungkapan --

<sup>3</sup> Penulis mencuba mencari perkataan أُوْبَسَ /awbasa/ dalam pelbagai kamus, seperti *A Dictionary of Modern Written Arabic* karangan Hans Wehr, المعجم العربي الأساسي /al-mu‘jam al-‘arabīy al-asāsīy/, dan kamus klasik لسان العرب /lisān al-‘arab/ perkataan tersebut tidak berjaya ditemukan. Ungkapan seperti ini saya cuba cari di internet dengan menggunakan *Google*, pun tak berjaya ditemui. Hal ini memperkuat pendapat al-Wadranīy bahawa perkataan tersebut memang tidak digunakan semula.

<sup>4</sup> Wehr menjelaskannya dengan 'to coincide, happen to correspond exactly' (1974:188)

mengikuti pendapat al-Wadrānīy -- yang sangat tidak bersesuaian dengan rasa masa kini, seperti فَسَا بَيْنَهُمُ الظَّرَبَانِ /fasā baynahum al-dhirbānu/ yang secara harfiah berarti 'kiskus (*polecat*) buang angin di antara mereka ', maksudnya 'mereka bercerai-berai' dan فُلَانٌ يُأْكُلُ خُلَاثَتَهُ /fulān ya'kulu khulālatahu/ yang secara harfiah berarti 'seseorang makan sisa makanan yang berada di antara giginya', yaitu kiasan tentang seseorang yang bakhil.

d) Keempat, berkaitan dengan kewujudan kolokasi dari zaman Jahiliyah تَمَّ عَلَيْهِ الدَّسْتُ /tamma 'alayhi al-dast/ yang dikatakan kepada seseorang apabila kalah berjudi. كُن الدَّسْتُ /al-dast/ adalah alat terbuat daripada sepotong kayu yang digunakan untuk berjudi pada zaman Jahiliyah. Ungkapan tersebut secara harfiah berarti '*al-dast telah tamat*'.

Sementara itu al-Wadrānīy melihat bahawa banyak kolokasi moden yang terabaikan dalam الْمُعْجَمُ الْوَسِيطُ /al-mu'jam al-wasīṭ/ ini padahal sangat kerap penggunaannya. Namun, berkenaan dengan kosa kata, kamus ini banyak sekali memasukkan kosa kata baharu yang bersumber dari bahasa asing yang berkaitan dengan angkasa, mode, sarana transportasi moden, dan hal-hal lainnya yang mengungkapkan penemuan-penemuan ilmiah, seni dan teknologi.

Dengan wujudnya keempat bukti ini, al-Wadrānīy menyimpulkan bahawa kamus الْمُعْجَمُ الْوَسِيطُ /al-mu'jam al-wasīṭ/ memperlakukan kolokasi berbeza dari perlakuannya terhadap kosa kata. Kamus ini belum memperhatikan perkembangan dan pembentukan kolokasi sejak kewujudannya pada masa silam. Dengan kata lain, kamus ini meletakkan kolokasi pada kedudukan sekunder berbanding dengan kedudukan kosa kata.

Penggunaan perkataan arkaik seperti الْأُثْفِيَّةُ /al-uthfiyyat/ 'salah satu dari tiga batu tempat meletakkan periuk' oleh al-Wadrānīy dijadikan sebagai salah satu bukti

bahawa kolokasi yang terdapat dalam kamus *المُعْجَمُ الوَسِيطُ* /al-mu‘jam al-wasīṭ/ ini tidak lebih dari apa yang telah dibuat oleh para linguist masa silam dan tidak ada upaya untuk memperhatikan perkembangannya kemudian, sebagaimana dijelaskan di atas.

Memang, kosa kata yang digunakan merujuk kepada benda-benda yang biasa digunakan pada masa silam, tetapi bukankah ini merupakan upaya melestarikan warisan para linguist dahulu yang dipengaruhi *lingkungannya* waktu itu? Apakah salahnya apabila "benda-benda kuno" seperti *الأثْفِيَّةُ* /al-uthfiyyat/ masih kekal digunakan dalam ungkapan sekarang? Sīnīy *et al* (1996), tidak merasa aib menggunakan ungkapan yang mengandung "benda kuno" tersebut dalam kamusnya yang bertajuk *المُعْجَمُ السِّيَاقِي* *لِلتَّعْبِيرَاتِ الإِصْطِلَاحِيَّةِ* /al-mu‘jam al-siyāqīy li al-ta‘bīrāt al-iṣṭilāḥiyyat/ 'A *Contextual Dictionary of Idioms*' (Sīnīy *et al*, 1996: 61):

رَمَاهُ بِثَالِثَةِ الأَثَافِي: ثَالِثَةُ الأَثَافِي: جُزُؤٌ مِنَ الجَبَلِ يُرَكِّزُ عَلَيْهِ القِدْرُ. رَمَاهُ بِدَاهِيَّةِ عَظِيمَةٍ، رَمَاهُ بِالسَّرِّ كُلِّهِ.

/ramāhu bi thālithat al-athāfī: thālithat al-athāfī: juz’un min al-jabal yurakkazu ‘alayhi al-qidr. ramāhu bi dāhiyatīn ‘azīmah, ramāhu bi al-syarri kullihī/

'melemparnya dengan salah satu dari tiga batu tempat meletakkan periuk, thālithat al-athāfī adalah bahagian dari tiga batu yang membentuk gunung di mana periuk diletakkan di tengah-tengahnya. Maksudnya, menimpakan malapetaka yang sangat berat, menimpakan seluruh keburukan kepadanya'.

Kamus ini pun memberikan contoh dengan ungkapan yang cukup popular:

عِنْدَمَا حُكِمَ عَلَيْهِ بِالنَّفْيِ وَمُصَادَرَةِ الْمُمْتَلَكَاتِ لِتَرْوِيحِهِ المُخَدَّرَاتِ أَدْرَكَ أَنَّ اللهَ رَمَاهُ بِثَالِثَةِ الأَثَافِي

/'indamā ḥukima ‘alayhi bi al-nafyi wa muṣādarati al-mumtalakāt li tarwījihī al-mukhaddirāt adraka anna allāha ramāhu bi thālithati al-athāfī/

'apabila ia dijatuhi hukuman dengan dibuang daerah/ negeri dan disita harta kekayaannya kerana kesalahannya mempromosikan dadah, ia sedar bahawa Allah telah menimpakan malapetaka yang sangat berat baginya'

Temuan bahawa kolokasi tidak menjadi entri dalam kamus *al-mu'jam al-wasīṭ* /al-mu'jam al-wasīṭ/ juga disampaikan oleh Laḥmāmīy (2006: 228). Kolokasi berada dalam entri kosa kata tunggal yang kadangkala merupakan bahagian utama kolokasi manakala berupa kolokasi KK. Misalnya, di bawah entri kata *أَبْدَأَ* /abda'a/, ditemukan kolokasi *مَا يُبْدِي وَمَا يُعِيدُ* /mā yubdi'u wa mā yu'id/ 'tidak memulakan dan tidak mengembalikan' yang dijelaskan dengan *مَا يَتَكَلَّمُ بِبَادِئَةٍ وَلَا عَائِدَةٍ* /mā yatakallamu bi bādi'atī wa la 'ā'idatī/ 'tidak bercakap dengan permulaan dan tidak dengan pengembalian', maksudnya *لَا حِيلَةَ لَهُ* /la ḥilata lahu/ 'tidak ada kemungkinan baginya'.

Apabila berupa kolokasi KN, maka kemunculannya kerap kali dalam konstruksi *إِضَافَةٌ* /idāfat/ seperti *أَبَدَ الْآبِدِينَ* /abad al-'ābidīn/ dan *أَبَدَ الْآبَادِ* /abad al-'ābād/ yang diertikan dengan *مَدَى الدَّهْرِ* /madā al-dahr/ 'sepanjang masa'. Kolokasi ini terdapat di bawah entri *الْأَبَدِ* /al-abad/; atau dalam konstruksi *النَّعْتُ وَالْمَنْعُوتُ* /al-na't wa al-man'ūt/ atau *الصِّفَةُ وَالْمَوْصُوفُ* /al-ṣifaṭ wa al-mawṣūf/<sup>5</sup> seperti *ثَمَنٌ بَخْسٍ* /thaman bakhs/ di bawah entri *الْبَخْسِ* /al-bakhs/ yang dijelaskan dengan mengutip ayat al-Quran surah Yūsuf ayat 12: ﴿وَشَرَوْهُ بِثَمَنٍ بَخْسٍ...﴾ /wa syarawhu bi thamanin bakhsin/ 'mereka membelinya dengan harga rendah'.

Sementara itu, kolokasi KSN iaitu yang bermula dengan kata sendi nama, unsur yang didampingi oleh KSN adalah yang bersesuaian dengan entri yang membawahi kolokasi partikel tersebut, seperti *هُوَ فِي حِجْرِ فُلَانٍ أَيِّ فِي كَنَفِهِ* /huwa fī ḥijri fulān ay fī

<sup>5</sup> Binaan *النَّعْتُ وَالْمَنْعُوتُ* /al-na't wa al-man'ūt/ atau *الصِّفَةُ وَالْمَوْصُوفُ* /al-ṣifaṭ wa al-mawṣūf/ adalah terdiri dari KN dan KA yang menjadi atributnya.

kanfihi/ 'dia berada dalam pangkuan seseorang, maksudnya dalam perlindungannya'. Ungkapan ini terdapat apabila mendefinisikan الْحِجْر /al-ḥijr/. Berbanding dengan kamus-kamus bahasa Arab klasik, Laḥmāmiy (2006: 233) mendapatkan bahawa kamus الْمُعْجَمُ الْوَسِيطُ /al-mu'jam al-wasīṭ/ sedikit sekali memuat kolokasi dengan pelbagai jenisnya.

Kedudukan kolokasi dalam kamus الْمُعْجَمُ الْعَرَبِيُّ الْأَسَاسِيُّ /al-mu'jam al-'arabīy al-asāsīy/ (1989) tak jauh berbeza dengan kedudukannya dalam kamus الْمُعْجَمُ الْوَسِيطُ /al-mu'jam al-wasīṭ/. Al-Naṣrāwīy (2006: 100), menyebutkan bahawa kewujudan kolokasi dalam kamus ini lemah, punca utamanya adalah kerana kewujudannya itu tidak dianggap sebagai satuan leksikal yang patut disusun, dideskripsikan dan diperlakukan sesuai dengan kepentingannya dalam penggunaan. Fungsinya sebagai bukti, juga tidak jelas benar kerana tak lebih dari sebuah contoh yang memperkuat sudut pandang penyusun kamus dalam menjustifikasi penggunaan atau memperkuat makna dan kadangkadangkang sekadar untuk menyokong kedudukan leksikalnya dengan mengaitkan kamus dengan sejarah bahasa, sejarah pemikiran dan peradaban, dan menghubungkan kamus dengan kenyataan leksikal.

Dari kajian-kajian di atas sama ada tentang kamus klasik atau kamus moden, dapatlah disimpulkan bahawa kamus-kamus tersebut memuat kolokasi, walau kewujudannya hanya sekadar bahagian dari definisi atau bukti. Kolokasi tidak mendapat kedudukan yang sepatutnya sebagai suatu satuan leksikal, kerana memang kamus-kamus tersebut bukanlah kamus khusus kolokasi seperti yang disusun oleh Hafiz di bawah tajuk الْمُعْجَمُ الْحَافِظُ لِلْمُتَصَاحِبَاتِ الْعَرَبِيَّةِ /mu'jam al-ḥāfiẓ li al-mutaṣāḥibāt al-'arabīyat/ 'Al-Hafiz Arabic Collocations Dictionary' (2004) yang memuat 7756 kolokasi.



Kamus khusus kolokasi Arab yang merupakan hasil daripada penyelidikan yang dibiayai oleh *the Prince of Wales Chevening post-doctoral Sholarship* pada tahun 2001 disusun secara abjad dan maknanya dijelaskan dalam bahasa Inggeris serta diberi tambahan maklumat atau contoh penggunaannya. Contoh-contoh ini diambil dari kehidupan sebenar bangsa Arab dan umat Islam dengan maksud agar lebih mudah difahami. Kolokasi ditampikan sebagai berikut:

مَعْلُومَات / أمثلة Information/examples	Meaning	المُصاحِبَة	الكَلِمَة الرَّئِيسَة	No.
أَبَّ خَالِدٍ إِلَى زَوْجَتِهِ بَعْدَ غِيَابٍ طَوِيلٍ <sup>٦</sup>	to long for	إِلَى	أَبَّ	1
أَبَّ النَّاسُ عَلَى الْحُكُومَةِ الظَّالِمَةِ <sup>٧</sup>	to wage war against; start a fight with	عَلَى	--	2

**Jadual 2.1:** Contoh Jadual Kolokasi dalam Kamus *Al-Hafiz Arabic Collocations Dictionary*

Kedua-dua kolokasi di atas iaitu *أَبَّ إِلَى* /abba ilā/ 'to long for' dan *أَبَّ عَلَى* / abba 'alā/ 'to wage war against; start a fight with' diletakkan dalam dua entri yang berbeza, meskipun kedua-duanya berasal dari sebuah kata iaitu KK *أَبَّ* /abba/. KK ini berfungsi sebagai *الكَلِمَة الرَّئِيسَة* /al-kalimaṭ al-ra'īsaṭ/ 'kata utama', sedangkan KSN *إِلَى* /ilā/ dan *عَلَى* /'alā/ sebagai *المُصاحِبَة* /al-muṣāḥibaṭ/ 'pendamping'.

Pemilihan kedua-dua KSN ini tidak bererti bahawa KK *أَبَّ* /abba/ hanya berkolokasi dengan kedua-dua KSN tersebut. Entah mengapa, Hafiz hanya memilih kedua-dua KSN tersebut, padahal dalam kamus *المُعْجَم الوَسِيط* /al-mu'jam al-wasīṭ/

<sup>6</sup> *أَبَّ خَالِدٍ إِلَى زَوْجَتِهِ بَعْدَ غِيَابٍ طَوِيلٍ* /abba khālid ilā zawjatihī ba'da ghiyābin ṭawīl/ 'Khalid merindukan isterinya setelah ditinggal lama'.

<sup>7</sup> *أَبَّ النَّاسُ عَلَى الْحُكُومَةِ الظَّالِمَةِ* /abba al-nās 'alā al-ḥukūmaṭ al-zālimaṭ/ 'orang-orang memulakan peperangan terhadap pemerintah yang zalim'.

ditemukan KSN lain yang juga menentukan makna yang berbeza. Misalnya, أَبَّ لِلسَّيْرِ /abba li al-sayr/ yang diberi penjelasan dengan تَهَيَّأْ وَتَجَهَّزْ /tahayya'a wa tajahhaza/ 'bersiap sedia', iaitu 'bersedia untuk perjalanan'.

Selain itu, unsur leksikal pendamping pun tidak mesti berbentuk KSN, tetapi dapat juga KN tertentu, kerana maknanya pun menjadi berbeza berbanding berkolokasi dengan unsur kata lain. Masih dalam kamus الْمُعْجَمُ الوَسِيْطُ /al-mu'jam al-wasīṭ/ di bawah entri KK أَبَّ /abba/: أَبَّتْ أَبَابَهُ الشَّيْءُ /abbat ababatu al-sya'/ yang dijelaskan dengan إِسْتَقَامَتْ طَرِيقَتُهُ /istaqāmat tariqatuhu/ 'jalannya lurus' ; أَبَّ يَدَهُ إِلَى سَيْفِهِ /abba yadahu ilā sayfihi/ yang dijelaskan dengan رَدَّهَا لِيَسْتَلَّهُ /raddaha li yastallahu/ 'mengembalikannya (pedang) untuk dicabutnya perlahan-lahan'.

## 2.4 Klasifikasi kolokasi bahasa Arab

Kajian yang membuat klasifikasi kolokasi dalam bahasa Arab secara sintaksis di antaranya dilakukan oleh Al-Rawi (2001), Hoogland (2004), Hafiz (2002, 2004), Khūjaliy (2004), dan Ghazala (2004).

### 2.4.1 Klasifikasi kolokasi mengikut Al-Rawi

Al-Rawi (2001) mengklasifikasikan kolokasi bahasa Arab secara sintaksis kepada lima jenis. Pertama, *Verb + Noun Collocations* yang diterjemahkan ke pola kolokasi yang sama, seperti يَنْبَحُ الكَلْبُ /yanbaḥu al-kalb/ 'the dog barks'. Kedua, *Noun + Adjective Collocations* seperti dalam دِرَاسَةٌ إِقْتِسَادِيَّةٌ /dirāsah iqtisādiyyah/. Al-Rawi mengingatkan bahawa penterjemahan jenis kolokasi seperti ini harus dilakukan dengan hati-hati bagi memberikan padanan KA yang tepat sesuai dengan makna yang sebenar,

apakah *'economic study'* (kajian tentang ekonomi) atau *'economical study'* (kajian yang berjimat cermat).

Jenis yang ketiga terdiri dari KK (biasanya transitif) diikuti oleh KN, عَقَدَ اجْتِمَاعًا /'aqada ijtimā'an/ yang dengan mudah diterjemahkan ke kolokasi dengan jenis yang sama *'(he) held a meeting'*. Pola yang keempat adalah *Verb + Noun + Adjective collocation* seperti تَقَدَّمَ تَقَدُّمًا بَطِيئًا /taqaddama taqadduman baṭī'an/ yang diterjemahkan menjadi KK + Adv *'(he) progressed slowly, made slow progress'*. Pola yang terakhir berupa konstruksi KN + KN seperti قَطِيعٌ غَنَمٍ /qaṭī' ghanam/ *'a herd of sheep'*.

#### 2.4.2 Klasifikasi kolokasi mengikut Hoogland

Hoogland (2004) dengan merujuk kepada kategori kolokasi leksikal bahasa Inggeris dalam *The BBI Dictionary of English Word Combinations* (Benson, 1997) dan setelah menganalisis sejumlah teks Arab, ia membuat sistem klasifikasi kolokasi bahasa Arab yang dimaksudkan bagi membantu pembelajaran bahasa Arab di mana mencakupi maklumat sintaktis dan maklumat berdasarkan pada kelas kata. Jumlah kategori kolokasi bahasa Arab yang dihasilkannya sebanyak sebelas, iaitu: (1) KK + KN, KN sebagai subjek, dalam beberapa kes KK berbentuk pasif seperti: اِسْتَدَّتْ اَلْاَزْمَةُ /isytaddat al-azmat/ *'krisis semakin berat'*, تَصَاوَلِ اَلْاَمَلِ /taḍā'ala al-amal/ *'harapan menjadi tipis'*, شُوِّهَتِ الصُّورَةُ /syuwihat al-ṣūrat/ *'gambar menjadi cacat'*; (2) KK + KN, KN sebagai objek seperti: زَعَزَعَ اَلْاِسْتِقْرَارَ /za'za'a al-istiqrār/ *'mengancam kestabilan'*, مَنَحَ جَائِزَةً /manaḥa jā'izatan/ *'memberikan anugerah'*; (3) KK + KSN + KN, KN sebagai objek tak langsung setelah KSN yang berkolokasi dengan KK seperti: عَبَّرَ عَنِ تَقْدِيرِ /'abbara 'an taqdīr/ *'mengungkapkan penghargaan'*, اِغْتَدَرَ عَنِ مُضَايَقَةٍ /i'tadhara 'an muḍāyaqaṭ/

'memohon maaf atas gangguan'; (4) KN + KA seperti: اِكْتِفَاءٌ ذَاتِيّ /iktifā' dhātīy/ 'autonomi', جُهْدٌ ضَخْمٌ /juhd ḍakhm/ 'usaha besar', عِلَاقَاتٌ قَوِيَّةٌ /alāqāt qawīyyat/ 'hubungan yang rapat'; (5) KN + KN, binaan إِضَافَةٌ /idāfat/ seperti: صُنْدُوقٌ إِفْتِرَاعٌ /ṣundūq iqtirā'/'peti undi', قَائِمَةٌ مُنْتَجَاتٌ /qā'imat muntajāt/ 'senarai produk', تَسْلُسُلٌ أَحْدَاثٌ /tasalsul aḥdāth/ 'rantai peristiwa'; (6) KK + Adv seperti: عَلِمَ يَقِينًا /alima yaqīnan/ 'mengetahui dengan yakin', اِتَّصَلَ هَاتِفِيًّا /ittaṣala hātifiyyan/ 'menghubungi melalui telefon, menelefon', اِعْتَقَدَ وَاهِمًا /i'taqada wāhiman/ 'mempercayai dengan ragu-ragu'; (7) KA + Adv seperti: مَحْدُودٌ لِلْعَايَةِ /maḥdūd li al-ghāyat/ 'sangat terhad', أَقَلُّ قِيَاسًا بِ /aqallu qiyāsan bi/ 'lebih sedikit berbanding dengan', صَعْبٌ لِلْعَايَةِ /ṣa'bun li al-ghāyat/ 'sangat sukar'; (8) KN + KSN + KN seperti: شَبَكَةٌ مِنَ الطُّرُقِ /syabakatun min al-ṭuruq/ 'jaringan jalan raya', خَطَرٌ عَلَى اسْتِقْرَارٍ /khaṭarun 'alā istiqrār/ 'bahaya terhadap kestabilan', اُسْلُوبٌ فِي التَّفَكِيرِ /uslūbun fi al-tafkīr/ 'gaya berfikir'; (9) KA + KN, yang dikenal dengan binaan حَسَنُ الْوَجْهِ /ḥasan al-wajh/ 'berwajah elok' seperti: حَسَنُ التَّجْهِيزِ /ḥasan al-tajhīz/ 'persiapan yang baik', وَفِيرُ الْجَدَارَةِ /wafīr al-jadārat/ 'kelayakan yang cukup', مُتَعَدِّدٌ الْجِنْسِيَّاتِ /muta'addid al-jinsiyyāt/ 'pelbagai warganegara'.

Di samping sejumlah kategori di atas, Hoogland melihat bahawa gaya bahasa Arab kerap menggunakan kombinasi sinonim atau antonim sehingga ia menambahkan kepada kategori yang telah disebutkan di atas: (10) kata + sinonim, seperti: أَحْدَاثٌ وَتَيَّارَاتٌ /aḥdāth wa tayyārāt/<sup>8</sup> 'peristiwa dan aliran', (11) kata + antonim, seperti: شَحْنٌ وَأَقْلَعٌ وَهَبَطَ /shaḥn wa aqla'a wa habaṭa/ 'berlepas dan mendarat', مَقَرٌّ وَفُرُوعٌ /maqarrun wa furū'/'ibu pejabat dan cawangan'.

<sup>8</sup> Hoogland menulis أَحْدَاثٌ وَطَيَّارَاتٌ /aḥdāth wa ṭayyārāt/, dengan menggunakan huruf طَاءَ /ṭā/. Tentu sahaja ini merupakan silap tulis kerana kata itu bermakna 'pilot-pilot wanita' yang tidak mungkin bersinonim dengan kata 'peristiwa'.

### 2.4.3 Klasifikasi kolokasi mengikut Hafiz

Hafiz (2004) sama halnya dengan Hoogland (2003) merujuk kepada klasifikasi kolokasi bahasa Inggeris yang dibuat oleh Benson. Dalam kamusnya yang bertajuk *المُعْجَمُ الحَافِظُ لِلْمُتَصَحِّحَاتِ العَرَبِيَّةِ* /mu‘jam al-ḥāfiẓ li al-mutaṣāhibāt al-‘arabiyyat/ ‘*Al-Hafiz Arabic Collocations Dictionary*’ yang didakwa sebagai “*the first of its kind in the Arabic language*”, Hafiz membuat klasifikasi kolokasi bahasa Arab yang mencakupi pelbagai kombinasi kelas kata, iaitu: (1) KK + KN dan KN ini berfungsi sebagai subjek seperti: *ضَرْبَ الحَيْمَةِ* /ḍaraba al-khaymata/ 'ia memasang khemah'; (2) KK+ FS di mana KN berfungsi sebagai objek tak langsung seperti: *بَيَّتَ لَهُ أَمْرًا* /bayyata lahu amran/ 'merancang sesuatu terhadapnya', *اسْتَقَالَ مِنَ العَمَلِ* /istaqāla min al-‘amal/ 'meletak jawatan'; (3) KK + FS dan frasa ini berfungsi sebagai Adv seperti: *ضَرْبَ بِشَدَّةٍ* /ḍaraba bi syiddat/ 'memukul dengan kuat', *نَفَذَ بِدِقَّةٍ* /nafaẓa bi diqqat/ 'menembusi dengan cermat'; (4) KK + frasa KN di mana KN ini dalam bentuk Adv cara seperti: *اتَّصَلَ هَاتِفِيًّا* /ittaṣala hātifiyyan/ 'menghubungi dengan telefon, menelefon', *خَاطَبَ كِتَابِيًّا* /khātaba kitābiyyan/ 'berbicara melalui tulisan' ; (5) KK + KH + KK, biasanya bersinonim seperti: *هَاجَ وَمَاجَ* /hāja wa māja/ 'bergelora dan bergelombang', *طَارَ وَحَلَّقَ* /ṭāra wa ḥallaqa/ 'terbang dan melayang' ; (6) KN + KN binaan idāfah seperti: *اِنتِفَاضَةُ شَعْبٍ* /intifāḍat sya‘b/ 'kebangkitan bangsa', *مَسْرُحُ الأَحْدَاثِ* /masraḥ al-aḥdāth/ 'pentas peristiwa' ; (7) KN + KH + KN seperti: *عَزَمَ وَإِصْرَارٌ* /‘azm wa iṣrār/ 'azam dan tekad yang keras', *تَنْظِيفٌ وَتَرْتِيبٌ* /tanẓifun wa tartīb/ 'pembersihan dan penyusunan' ; (8) KN + KA seperti: *قُوَّةٌ عَظْمَى* /quwwatun ‘uzmā/ 'kuasa yang besar', *جَمَالٌ أَخَّاذٌ* /jamāl akhkhāẓ/ 'keindahan yang memikat' ; (9) KN + FS seperti: *حَفَنَةٌ مِنَ المَالِ غَايَةٌ فِي الأَدَبِ* /ghāyatun fī al-adab/ 'sangat berbudi bahasa',

/hafnatun min al-māl/ 'segenggam harta' ; (10) KN + KSN seperti: *اِسْتِكْمَالًا* /istikmālan li/ 'melengkapi', *قِيَاسًا بِ* /qiyāsan bi/ 'mengiaskan kepada', *مُقَارَنَةً بِ* /muqāranatan bi/ 'dibandingkan dengan' ; (11) KA + KN seperti: *كَبِيرُ الْقَلْبِ* /kabīru al-qalb/ 'berbesar hati', *حَسَنُ الْخُلُقِ* /ḥasanu al khuluq/ 'berakhlak mulia', *جَمِيلُ الْمَحْيَا* /jamīlu al-maḥyā/ 'kehidupan yang baik' ; (12) KA + Ket yang terdiri dari KSN + KN: *مُسْتَنْكَرٌ بِشِدَّةٍ* /mustankar bi syiddat/ 'sangat ditentang', *عَجِيبٌ فِي الْأَمْرِ* /‘ajīb fī al-amr/ 'perkara yang menghairankan'.

#### 2.4.4 Klasifikasi kolokasi mengikut Khūjalīy

Khūjalīy (2004: 1-2) mengembangkan klasifikasi kolokasi dalam bahasa Arab secara sintaktis dan semantik. Linguis Arab yang menyebut kolokasi dengan istilah *الْمُتَوَارِدَات* /al-mutāwaridāt/ ini membagi kolokasi secara sintaksis menjadi lima jenis berdasarkan pada kategori kata yang berkolokasi. Menurutnya, kolokasi biasanya antara kata asasi (*focal word*) dan kata yang berkolokasi (*collocating word*): KN + KK<sup>9</sup> *أَدَّى الرَّكَاةَ* /addā al-zakāt/ 'membayar zakat'; KN + KN *أَدَاءُ الدَّيْنِ* /adā'u al-dayn/ 'pembayaran hutang'; KK + KK *جَعَلَ يَقُولُ* /ja‘ala yaqūlu/ 'ia tetap bercakap/ mulai bercakap'; KA + KN *ثَابِتُ الرَّأْيِ* /thāqibu al-ra'y/ 'pendapat yang bernas'; dan KK + KSN + KN *تَخَرَّجَ فِي الْجَامِعَةِ* /takharraja fī al-jāmi‘ah/ 'ia tamat pengajian dari universiti'.

Pembahagian kolokasi secara semantik ada tiga jenis, iaitu (1) *تَوَارُدٌ بَسِيطٌ* /tawārud basīṭ/ 'kolokasi sederhana (terbuka)' di mana pengguna bahasa tidak

<sup>9</sup> Khūjalīy menyebutkan *اِسْمٌ وَفِعْلٌ* /ism wa fi‘l/ 'KN dan KK', sementara contoh-contoh yang ia berikan – termasuk contoh di atas -- bermula dengan KK: *أَقَامَ الصَّلَاةَ* /aqāma al-ṣalāt/ 'mendirikan salat', *عَبَرَ النَّهْرَ* /‘abara al-nahr/ 'menyeberangi sungai', dan *خَاضَ الْمَعْرَكَةَ* /khāḍa al-ma‘rakat/ 'mengharungi perang, berperang'. Urutan yang benar mestinya KK + KN.

menghubungkan unsur leksikal dengan unsur leksikal lainnya secara kuat karena ia dapat berkolokasi dengan banyak unsur leksikal lainnya. Misalnya, KK قَامَ /qāma/<sup>10</sup> yang dapat digunakan dengan banyak kata lain seperti قَامَ بِدَوْرٍ /qāma bi dawr/ 'memerankan', قَامَ بِخِدْمَةٍ /qāma bi khidmat/ 'berkhidmat', atau قَامَ بِمَهْمَةٍ /qāma bi mahammat/ 'melaksanakan tugas'; (2) تَوَارَدَ وَسَيْطٍ /tawārud wasīṭ/ 'kolokasi pertengahan (semi terhad)', iaitu hubungan antara unsur-unsur leksikal yang berkolokasi lebih khusus, di mana penutur asli bahasa akan lebih mengutamakan penggunaan unsur leksikal tersebut, seperti أَدَّى مَهْمَةً /addā mahammat/ 'menunaikan tugas', نَهَضَ بِدَوْرٍ /nahada bi dawr/ 'memerankan', atau أَسَدَى خِدْمَةً /asdā khidmat/ 'memberi khidmat, berkhidmat'; dan terakhir (3) تَوَارَدَ وَطَيْدٍ /tawārud waṭīd/ yang secara harfiah bererti 'kolokasi yang terhad dengan kuat', iaitu kolokasi yang hubungan antara unsur-unsur leksikalnya begitu kuat dan khas sehingga bila seseorang mendengar sebuah kata yang berkolokasi (*collocating word*), yang terlintas dalam mindanya hanyalah kata asasi (*focal word*). Maka jika seseorang mengucapkan إِقَامَةً /iqāmat/ 'mendirikan', maka yang terlintas dalam mindanya adalah kata الصَّلَاةَ /al-ṣalāt/ 'salat' langsung setelahnya. Dan jika ia mendengar kata إِيْتَاءَ /ītā/ 'mengeluarkan' maka secara otomatis kata yang terlintas dalam mindanya adalah kata الزَّكَاةَ /al-zakāt/ 'zakat', dan jika ia mendengar kata إِمَاطَةَ /imāṭat/, kata yang terlintas dalam mindanya adalah kata الْأَدَى /al-adhā/ 'menjauhkan mudarat'. Kedua-dua unsur leksikal yang berkolokasi, manakala salah satunya disebutkan maka dengan serta merta akan mengingatkan kepada yang satunya

---

<sup>10</sup> Makna asasi kata kerja قَامَ /qāma/ adalah 'berdiri', tetapi manakala ia berkolokasi dengan kata sendi بِ /bi/ 'dengan' gabungan kedua-dua unsur leksikal ini menjadi sebuah ungkapan idiomatik kerana maknanya tidak boleh difahami dari makna setiap unsur tersebut sebagaimana tampak dalam maksud dari setiap contoh di atas.

lagi. Pembagian ini selaras dengan yang dilakukan oleh Aisenstadt (1979) dan Cowie (1983) dalam membahagi kolokasi bahasa Inggeris.

#### 2.4.5 Klasifikasi kolokasi mengikut Ghazala

Ghazala (2004) yang menyebut kolokasi dengan istilah التَّلَازُم /al-talāzum/, membuat klasifikasi bahasa Arab lebih lengkap lagi berbanding klasifikasi-klasifikasi sebelumnya. Secara garis besar, ia membahagi kolokasi bahasa Arab menjadi tiga konstruksi: (1) التَّرْكِيبُ الْقَوَاعِدِيّ /al-tarkīb al-qawā`idīy/ 'konstruksi nahu', (2) التَّرْكِيبُ الْلَفْظِيّ /al-tarkīb al-lafzīy/ 'konstruksi leksikal', dan (3) التَّرْكِيبُ الْأُسْلُوبِيّ /al-tarkīb al-uslūbīy/ 'konstruksi stilistik'.

##### 2.4.5.1 Konstruksi nahu

Kolokasi konstruksi nahu terdiri dari: (1) kolokasi KN + KA seperti: قَوْلٌ سَدِيدٌ /qawlun sadīd/ 'kata-kata yang benar', رَأْيٌ رَشِيدٌ /ra`yun rasyīd/ 'pendapat yang baik', حُرْحُوحٌ بَلِيغٌ /jurḥun balīgh/ 'luka parah'; (2) kolokasi konstruksi idāfaṭ seperti: عَيْنُ الصَّوَابِ /aynu al-ṣawāb/ 'betul-betul benar', بَيْعُ التَّجْرِيَّةِ /bay`u al-tajzi`at/ 'jualan runcit', شُرُوقُ الشَّمْسِ /syuruq al-syams/ 'terbit matahari'; (3) kolokasi KN + KN dengan KSN antara keduanya, dan pada umumnya kata kedua berupa antonim seperti: الْخَطَأُ وَالصَّوَابُ /al-khaṭa` wa al-ṣawāb/ 'kesalahan dan kebenaran', الْخَيْرُ وَالشَّرُّ /al-khayr wa al-syarr/ 'kebaikan dan kejahatan', شَيْبًا وَشَبَابًا /syayban wa syabāban/ 'tua dan muda', atau sebagai pelengkap seperti: الْخُبْزُ وَالْمِلْحُ /al-khubz wa al-milḥ/ 'roti dan garam', الْمَالُ وَالْبَنُونَ /al-māl wa al-banūn/ 'harta dan anak-anak', الْأَسْمَاءُ وَالْأَرْضُ /al-samā` wa al-arḍ/ 'langit dan bumi', atau sebagai penguat seperti: الْهُدُوءُ وَالسَّكِينَةُ /al-hudū` wa al-sakīnat/ 'senyap dan tenang',



الْأَمَانُ وَالْإِطْمِئْنَانُ /al-syajā‘at̤ wa al-iqdām/ 'keberanian dan kewiraan',  
 /al-amān wa al-iṭmi'nān/ 'keamanan dan ketenteraman'; (4) kolokasi KA + KA, sama ada sebagai penguat seperti: طَنَّانٌ رَنَّانٌ /ṭannān rannān/ 'angkuh dan menunjuk-nunjuk', كَافٍ /kāfin wāfin/ 'betul-betul cukup', مَذْمُومٌ مَذْحُورٌ /madhmūm madhūr/ 'terhina serta terusir'<sup>11</sup> atau antonim seperti: ضَاحِكٌ بَاكِ /ḍāḥik bākin/ 'tertawa menangis', مُخْطِئٌ /mukḥṭi' muṣīb/ 'salah benar', نَافِعٌ ضَارٌّ /nāfi' ḍār/ 'bermanfaat membahayakan' ; (5) kolokasi KK + KN dengan makna jelas seperti: يَسْمَعُ صَوْتًا /yasma‘u ṣawtan/ 'mendengar suara', يُبْذِلُ جُهْدًا /yubdhilu juhdan/ 'berusaha', تَهْبُ الرِّيحُ /taḥubbu al-rīḥ/ 'angin bertiup'; (6) kolokasi KK + KN dengan makna metafora seperti: يَشُقُّ طَرِيقَهُ /yasyuquqqu ṭarīqahu/ 'membelah (maksudnya, memaksakan) jalannya', يَشْتَدُّ عُوْدَهُ /yasytaddu ‘ūdahu/ 'menjadi kuat tongkatnya', maksudnya 'menjadi matang', تَرْتَعِدُ /tarta‘idu farā'iṣuhu/ 'daging antara bahu dan dada menggigil', maksudnya 'menggigil kerana sangat ketakutan'; (7) kolokasi KK + infinitif ( مَفْعُولٌ مُطْلَقٌ /maf‘ul muṭlaq/)<sup>12</sup> seperti: يَفُوزُ فَوْزًا /yafūzu fawzan/ 'memenangi dengan tegas', يُرَتِّلُ تَرْتِيلًا /yurattilu tartīlan/ 'membaca (al-Quran) dengan bertajwid', يَدْنُو دُنُوًّا /yadnū dunuwwan/ 'semakin mendekati'; (8) kolokasi KK + Ket seperti: يَهْرَعُ هَرَعًا /yahra‘u har‘an/ 'sangat tergesa-gesa', يَخِرُّ صَرِيْعًا /yakhirru ṣarī‘an/ 'tersungkur jatuh', يَنْتَصِبُ وَاقِفًا /yantaṣibu wāqifan/ 'berdiri tegak'; (9) kolokasi KK + KSN + KN seperti: يَجْهَشُ بِالْبُكَاءِ /yajhasyu bi al-bukā‘/ 'menangis dengan kuat, meraung', يَتَوَارَى عَنِ الْأَنْظَارِ /yatawārā ‘an al-anzār/

<sup>11</sup> Ungkapan ini terdapat dalam al-Quran surah al-A‘rāf ayat 18 dan al-Isrā’ ayat 18,

<sup>12</sup> El-Dahdah (1997: 27-8) memberi padanan dalam bahasa Inggeris *cognate accusative*, sedangkan Wright (1979: ii/54) menyebutnya dengan istilah *the absolute object*. Yang dimaksud adalah KN yang berkes akusatif (*accusative*) yang berbentuk maṣdar (*participle*) atau penggantinya, yang berfungsi untuk menekankan perbuatan, menjelaskan jenis atau bilangan ‘āmil (*active element*) (al-Rajḥīy 2004: 249)

'hilang dari pandangan', *يَأْخُذُ بِعَيْنِ الْإِعْتِبَارِ* /ya'khudhu bi 'ayn al-i'tibār/ 'mengambil dengan mata pertimbangan', maksudnya 'mengambil kira, mempertimbangkan'; (10) kolokasi KK + kata hubung (KH) seperti: *أَعْدَرَ مَنْ أَنْذَرَ* /a'dhara man andhar/ 'orang yang mengingatkan dimaafkan', *بُهَيْتَ الَّذِي كَفَرَ* /buhita al-ladhī kafar/ 'orang yang kufur tercengang kehairanan', *حَصَدَ مَا زَرَعَ* /ḥaṣada mā zara'a/ 'menuai apa yang telah ditanam'; (11) kolokasi KK + KK, terdiri dari dua buah KK yang bersinonim, berantonim atau yang dihubungkan dengan KH, serupa dengan kolokasi (3) seperti: *يُقْبِلُ وَيُدْبِرُ* /yuqbilu wa yudbiru/ 'datang dan pergi', *يَنْأَى وَيُعْرِضُ* /yan'a wa yu'rid/ 'menjaga jarak dan menjauh', *يَضُرُّ وَيَنْفَعُ* /yaḍurr wa yanfa'/ 'berbahaya dan bermanfaat'; (12) kolokasi Adv seperti: *أَوَّلًا وَأَخِيرًا* /awwalan wa akhīran/ 'pertama dan terakhir', *صَبَاحًا* /ṣabāḥan wa masā'an/ 'pagi dan petang', *لَيْلًا وَنَهَارًا* /laylan wa nahāran/ 'malam dan siang'; (13) kolokasi KSN + KN (objek KSN) + KN seperti: *مِنْ بَنَاتِ الْأَفْكَارِ* /min banāt al-afkār/ 'dari anak-anak perempuan pikiran', maksudnya 'gagasan seseorang', *فِي طَيِّبِ الْكِتْمَانِ* /fī ṭayyib al-kitmān/ 'dalam lipatan rahsia', maksudnya 'dirahsiakan', *عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ* /'alā syafā ḥufrat-in/ 'di tepi jurang'<sup>13</sup>; (14) kolokasi Prt *لَا* /lā/ seperti: *لَا عَيْنٌ رَأَتْ وَلَا أُذُنٌ سَمِعَتْ وَلَا خَطَرَ عَلَى قَلْبِ بَشَرٍ* /lā 'ayn ra'at wa lā udhunun sami'at wa lā khaṭara 'alā qalbi basyar/, 'tak pernah terlihat oleh mata, tak pernah terdengar oleh telinga, dan tak pernah terlintas dalam hati manusia'<sup>14</sup>, *لَا لُبْسَ فِيهِ* /lā lubsa fīhi/ 'tak ada keraguan padanya'; (15) kolokasi KN + KK seperti: *حَيٌّ يُرْزَقُ* /ḥayyun yurzaq/ 'hidup lagi diberi rezeki', *قَوْلٌ يُنُسَّرُ* /qawlun yu'thar/ 'ucapan yang tak mudah terlupakan, peribahasa', *أَلْحَقُّ يُقَالُ* /al-ḥaqqu yuqāl/ 'kebenaran diucapkan, tentu sekali'; (16) kolokasi KN + KSN +

<sup>13</sup> Merupakan ungkapan al-Quran, lihat surah Āli 'Imrān ayat 103.

<sup>14</sup> Berasal dari ungkapan hadis, lihat Ṣaḥīḥ al-Bukhārīy, jilid 11, muka surat 22 apabila mendeskripsikan keadaan surga.

KN seperti: سَالِكٌ بِصُعُوبَةٍ /sālikun bi ṣu‘ūbat/ 'dapat dilalui dengan kesukaran', مَائِلٌ إِلَى /mā'ilun ilā khudrat/ 'kehijau-hijauan', الْكَمَالُ لِلَّهِ /al-kamālu li allāh/ 'kesempurnaan hanyalah milik Allah'; (17) kolokasi seumpama KK, kerana bermula dengan Prt yang fungsinya seumpama KK, seperti: ﴿ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴾ /inna ma‘a al-‘usri yusrā/ 'bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan'<sup>15</sup>, أَلَا لَيْتَ الشَّبَابُ يَعُودُ يَوْمًا /alā layta al-syabābu ya‘ūdu yawman/<sup>16</sup> 'seandainya masa remaja kembali semula walau sehari', لَيْتَ شِعْرِي /layta syi‘rī/ 'mudah-mudahan aku mengetahui'; (18) kolokasi arbitrari "sumpah", iaitu ungkapan untuk bersumpah dan tidak memiliki struktur yang tetap, seperti: بِأَبِي أَنْتَ وَأُمِّي /bi abī anta wa ummī/ 'engkau akan kutebus dengan ayah dan ibuku', وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ /wa al-ladhī nafsī bi yadihi/ 'demi Tuhan yang jiwaku berada di tangannya'<sup>17</sup>, وَاللَّهِ الْعَظِيمِ /wa allāhi al-‘azīm/ 'demi Allah Yang Maha Agung'; (19) kolokasi arbitrari "celaan" seperti: تَكَلَّتْكَ أُمُّكَ /thakalatka ummuka/ 'semoga ibumu ditinggal mati olehmu', تَبًّا لَكَ عَلَيَّكَ اللَّعْنَةُ /alayka al-la‘naṭ/ 'sial betul, celaka betul', لَا تَبًّا لَكَ /tabbā laka/ 'semoga Tuhan mengutukmu'; (20) kolokasi arbitrari "pujian" seperti: لَا سَلَمَتْ يَدَاكَ /lā fuḍḍa fūka/ 'betapa eloknya apa yang telah engkau ucapkan', أَبَيْتَ اللَّعْنَ /abayta al-la‘na/ 'kedua tanganmu selamat', maksudnya 'terima kasih', أَبَيْتَ اللَّعْنَ /abayta al-la‘na/ 'engkau menolak kutukan', maksudnya 'semoga Tuhan tidak mengutukmu'.

<sup>15</sup> Ungkapan al-Quran, surah al-Insyirāh ayat 6.

<sup>16</sup> Berasal dari bait syair Abū al-‘Atahiyah (al-Jāhiz, 1968:III:86)

<sup>17</sup> Bentuk sumpah yang biasa digunakan Rasulullah SAW. yang maksudnya 'demi Allah yang menguasai jiwaku'.

#### 2.4.5.2 Konstruksi leksikal

Kolokasi konstruksi leksikal terdiri dari (1) kolokasi sejenis, yaitu yang unsur-unsur leksikalnya berasal dari satu jenis dan satu kelompok, seperti: *خَطَرَ لَهُ خَاطِرٌ* /khaṭara lahu khāṭir/ 'idea terlintas di fikirannya', *لَا دُخَانَ مِنْ دُونِ نَارٍ* /lā dukhān min dūni nār/ 'tak ada asap tanpa api', *شَهِدَ شَاهِدٌ مِنْ أَهْلِهِ* /syahida syāhidun min ahlihi/ 'seorang saksi dari keluarganya memberi kesaksian'; (2) kolokasi tak sejenis, seperti: *سُعْلَةٌ مِنْ ذِكَاةٍ* /syu‘laṭun min dhakā’/ 'gilang gemilang kecerdasan', *إِسْتِثْبَالٌ حَارٌّ* /istiṭbāl ḥār/ 'sambutan hangat', *أَيَّامٌ سَوْدَاءٌ* /ayyāmun sawdā’/ 'hari-hari yang suram'; (3) kolokasi penegas, seumpama kolokasi (7) iaitu kolokasi KK + infinitif (*مَفْعُولٌ مُطْلَقٌ* maf‘ul muṭlaq) dalam konstruksi nahu, seperti: *عَمِلَ عَمَلًا* /‘amila ‘amalan/ 'bekerja keras', *قَاتَلَ قِتَالًا* /qātala qitālan/ 'berperang dengan sengit', *هَزَّاهُ هَزًّا* /hazzahu hazzan/ 'menggegarkan dengan kuat'; kolokasi jenis ini juga boleh terdiri dari KN + KA tanpa KH, seperti: *غَفُورٌ رَحِيمٌ* /ghafūrun raḥīm/ 'Maha Pengampun lagi Maha Penyayang'<sup>18</sup>, *حُبٌّ جَمٌّ* /ḥubbun jamm/ 'cinta yang amat sangat', *عَذَابٌ شَدِيدٌ* /‘adhābun syadīd-un/ 'seksa yang amat berat'<sup>19</sup>, dan boleh juga dengan KH, seperti: *جُمْلَةٌ وَتَفْصِيلًا* /jumlatan wa tafṣīlan/ 'secara keseluruhan dan secara terperinci', *سِرًّا وَعَلَانِيَةً* /sirran wa ‘alāniyan/ 'dengan cara sulit atau terbuka'<sup>20</sup>, *الشَّكْلُ وَالْمَضْمُونُ* /al-syaklu wa al-maḍmūn/ 'bentuk dan kandungan', (4) kolokasi langsung, iaitu sekelompok kolokasi yang biasanya tak mengandung makna metafora, seperti: *قَصِيرُ الْقَامَةِ* /qaṣīru al-qāmaṭ/ 'pendek', *عَفِيفٌ النَّفْسِ* /‘afīfu al-nafs/ 'suci', *حَافِي الْقَدَمَيْنِ* /ḥāfi al-qadamayn/ 'kaki ayam, kaki tak berkasut';

<sup>18</sup> Ungkapan al-Qur’an, surah al-Baqaraṭ ayat 173.

<sup>19</sup> Ungkapan al-Qur’an, surah Āli ‘Imrān ayat 4.

<sup>20</sup> Ungkapan al-Qur’an, surah al-Baqaraṭ ayat 274.

(5) kolokasi metafora, seperti: طَارَ صَوَابُهُ /ṭāra ṣawābuhu/ harfiah: 'kebenarannya terbang', maksudnya 'pertimbangannya yang waras telah hilang', أَذْلَى بِدَلْوِهِ /adlā bi dalwihi/ harfiah: 'menghantar timba', maksudnya 'memberikan sumbangan (bersama-sama dengan yang lainnya)', دَفَّتْهُ الْحُكْمُ /daffaṭu al-ḥukm/ harfiah: 'kemudi pemerintahan', maksudnya: 'kekuasaan'; (6) kolokasi pujian, seperti: غَارِقٌ فِي الْقِدَامِ /ghāriqun fī al-qidam/ harfiah: 'tenggelam dalam kelamaan', maksudnya 'antik', أُمَّهَاتُ طَرِيٍّ /ummahāt al-kutub/ harfiah: 'ibu-ibu buku-buku', maksudnya 'karya agung', طَرِيٌّ اللِّسَانِ /ṭariyyu al-lisān/ harfiah: 'berlidah lembut', maksudnya 'perkataan yang manis'; (7) kolokasi celaan, seperti: سَمَاءٌ مُكْفَهْرَةٌ /samā'un mukfahirat/ 'langit yang gelap (mendung), طَفَحَ الْكَيْلُ /ṭafaḥa al-kayl/ harfiah: 'sukatan melimpah', maksudnya 'perkara sampai pada satu had yang tak dapat ditahan, menjadi krisis, lebih teruk', يَنْدَى لَهُ الْجَبِينُ /yandā lahu al-jabīn/ harfiah: 'dahi menjadi basah baginya', maksudnya 'memalukan, sangat teruk'; (8) kolokasi neutral, seperti: تَدَاعِي الْأَفْكَارِ /tadā'ī al-afkār/ 'perkaitan idea-idea', اسْتَقَرَّ عَلَيَّ /istaqarra 'alā ra'y/ 'membuat keputusan', مَرَضٌ مُعَدِّدٌ /maraḍun mu'din/ 'penyakit berjangkit'; (9) kolokasi ragu-ragu, iaitu yang membuat penterjemah ragu-ragu dalam mengklasifikasikannya, tampaknya sebagai kolokasi yang paling sukar diterjemahkan, namun kenyataannya tidak demikian, seperti: حَدِيثٌ طَوِيلٌ /hadīthun ṭawīl/ 'perbualan yang panjang', بَرِيءٌ الدِّمَّةِ /barī'u al-dhimmat/ 'bebas dari kewajiban', يَحْمِلُ فِي طِيَّاتِهِ /yaḥmilu fī ṭiyyātihi/ harfiah: 'membawa dalam lipatannya', maksudnya 'mengandung'; (10) kolokasi ironis, iaitu kolokasi yang bentuk zahirnya seumpama pujian, namun yang dimaksudkan adalah ejekan, seperti: جَهْبَذُ الْجَهَابِدَةِ /jahbadhu al-jahābidhat/ 'orang genius dari antara orang-orang genius', بَطَلُ الْأَبْطَالِ /baṭalu al-abṭāl/ 'wira di antara wira-wira', أُسْتَاذُ الْأُسَاتِدَةِ /ustādhu al-asātidhat/ 'profesornya para profesor'.

### 2.4.5.3 Konstruksi stilistik

Iaitu kolokasi yang berkaitan dengan gaya bahasa penulisan, terdiri dari pelbagai fungsi: (1) penegas, seperti: قَلِيلَةٌ قَلِيلَةٌ /qillaṭun qalīlat/ 'sangat sedikit, sangat tidak penting', سَعَى سَعْيُهُ /sa'ā sa'yahu/ 'berusaha secara maksimum', عَلَا عُلُوًّا (كَبِيرًا) /'alā 'uluwwan (kabīran) 'mencapai poin kezaliman yang paling tinggi'; (2) hiperbola, seperti: عَجَائِبٌ وَعَجَائِبٌ /'ajā'ib wa gharā'ib/ 'keajaiban dan keanehan', مَضَى وَأَنْقَضَى /maḍā wa inqadā/ 'berlalu dan berlalu', الْأَمْرَجُ وَالْمَرْجُ /al-haraj wa al-maraj/ 'lintang-pukang'; (3) keelokan, seperti: لَهُ بَاعٌ طَوِيلٌ /lahu bā'un ṭawīl/ harfiah 'ia memiliki rentang tangan yang panjang' sebagai pengganti daripada لَهُ خَبْرَةٌ طَوِيلَةٌ /lahu khibratun ṭawīlat/ 'ia memiliki pengalaman yang lama', مِنْ بَابٍ أَوْلَى /min bāb awlā/ harfiah: 'dari pintu yang lebih utama' sebagai pengganti مِنْ الْأَحْرَى /bi al-aḥrā/ 'lebih layak' atau مِنَ الْأَفْضَلِ /min al-afḍal/ 'lebih baik', لَا طَائِلَ مِنْهُ /lā ṭā'il minhu/ sebagai pengganti لَا فَائِدَةَ مِنْهُ /lā fā'idata minhu/ 'tidak berfaedah', مَدَّ يَدَ الْعَوْنِ /madda yad al-'awn/ harfiah 'menghulurkan tangan bantuan' sebagai pengganti dari سَاعَدَ /sā'ada/ 'membantu'; (4) eufemisme, seperti: اسْتَوْهَبَ /istawhaba muṣḥafan/ 'mendermakan al-Quran' sebagai pengganti اشْتَرَى مُصْحَفًا /isytarā muṣḥafan/ 'membeli al-Quran', اِنْهَزَمَ بِشَرَفٍ /inhazama bi syaraf/ 'kalah secara terhormat' sebagai pengganti dari اِنْهَزَمَ بِصُعُوبَةٍ /inhazama bi su'ubat/ 'kalah dengan kesusahan' atau هُزِمَ /huzima/ 'kalah', اِنْتَقَلَ إِلَى جِوَارِ رَبِّهِ /intaqala ilā jiwār rabbihi/ harfiah: 'berpindah ke sebelah tuhanNya', maksudnya 'meninggal dunia' sebagai pengganti dari مَاتَ /māta/ 'mati'; (5) ragam standard dan percakapan, makna yang terkandung dalam kedua-dua ragam bahasa ini berbeza, namun contoh yang ada hanya ragam standard atau ragam percakapan, dan belum ditemukan sebuah kolokasi yang muncul dalam kedua-dua ragam. Contoh ragam standard, seperti: قَابَ قَوْسَيْنِ أَوْ أَدْنَى /qāba qawsayn aw adnā/

'jarak sekadar dua hujung busaran panah atau lebih dekat lagi'<sup>21</sup>, يَعْرِفُ مِنْ أَيْنَ تُؤْكَلُ /ya'rifu min ayna tu'kalu al-katif/ harfiah: 'ia mengetahui dari mana bahu dimakan', maksudnya 'ia bijak dan berpengalaman', لَا يُشَقُّ لَهُ عُبَارٌ /lā yusyaqqu lahu ghubār/ harfiah: 'debu tidak terbelah baginya', maksudnya 'tak ada tandingannya, tak seorang pun seumpama dia'. Contoh ragam percakapan: يَمْسَحُ جُوحٌ /yamsaḥ jūkh/ harfiah: 'menyapu kain tebal yang terbuat dari bulu biri-biri', maksudnya 'mengambil muka, menjilat pantat', غَطَّ عَلَى قَلْبِهِ /ghaṭṭa 'alā qalbih/ harfiah: 'membenamkan atas hatinya', maksudnya 'mengalahkan, jatuh dalam keadaan bersawai', صَافِي يَا لَبَنَ /ṣāfi yā laban/ harfiah: 'jernih wahai susu', maksudnya 'tiada rasa dendam atau marah; jangan simpan di hati'.

Selain mengklasifikasi kolokasi, Ghazala juga membagi kolokasi ke dalam pelbagai konteks, iaitu (1) konteks umum, seperti: شَاءَ أُمَّ أَبِي /syā'a am abā/ 'mahu tak mahu', عَقَدَ الْعَزَمَ /'aqada al-'azma/ 'menetapkan keazaman', عَلَى مَرْمَى حَجَرٍ /'alā marmā ḥajar/ 'pada lontaran batu'; (2) konteks agama, seperti: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ /bismi allāh al-raḥmān al-raḥīm/ 'Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani', صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ /ṣalla allāh 'alayhi wa sallam/ 'moga-moga Allah memberkati dan memberi kesejahteraan ke atasnya'<sup>22</sup>, اَلْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ /al-salāmu 'alaykum/ 'selamat sejahtera kepada kamu semua'; (3) konteks budaya, seperti: عَادَ بِخُفَّيْ هُنَيْنٍ /'āda bi khuffay ḥunayn/ 'kembali dengan kedua-dua kasut Hunain'<sup>23</sup>, فِرْعَوْنَ زَمَانِهِ /fir'awn zamānihi/ 'Firaun zamannya', maksudnya 'pemimpin negara zalim yang tidak belas

<sup>21</sup> Ungkapan al-Quran, surah al-Najm ayat 9.

<sup>22</sup> Dikatakan setelah menyebut nama Nabi Muhammad (lihat *Kamus Dewan*, edisi keempat, muka surat 1375)

<sup>23</sup> Lihat penjelasan contoh (18).

kasihan', لَا نَاقَةَ لِي وَلَا جَمَلٍ /lā nāqata lī wa lā jamal/ harfiah: 'saya tak memiliki sama ada unta betina atau unta jantan', maksudnya 'saya tidak turut terlibat'; (4) konteks menipu, iaitu yang secara zahir seumpama konteks yang telah disebutkan, namun kenyataannya bermaksud yang sangat berbeza dan sama sekali tidak ada kaitannya dengan bentuk zahirnya; kolokasi yang berkonteks ini memang ada kaitannya dengan konteks agama dilihat dari bentuk perkataannya, tetapi maknanya berbeza, seperti: قَمِيصٌ عُثْمَانُ /qamiṣ uthmān/ harfiah 'baju Usman' yang dimaksud adalah حُجَّةٌ وَاهِيَةٌ /ḥujjaṭ wāhiyat/ 'alasan yang lemah', تَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ /tawakkal ʿalā allāh/ harfiah 'bertawakallah kepada Allah', tetapi yang dimaksud adalah اِنْصَرَفَ /inṣarifa/ 'pergilah', مَا شَاءَ اللَّهُ /mā syāʾa allāh/ harfiah: 'apa yang dikehendaki Allah', tetapi yang dimaksud adalah ungkapan yang menyatakan kagum dan kaget; (5) konteks terhad, seperti: مُوَأَى الْقِطَاطِ /muwāʾu al-qīṭaṭ/ 'ngiau kucing', نُبَاحُ الْكَلْبِ /nubāḥ al-kalb/ 'salakan anjing', زَيْئِرُ الْأَسَدِ /zaʾīr al-asad/ 'auman singa'; (6) konteks perbandingan, seperti: أَهْلَى مِنَ الصُّورَةِ /ahlā min al-ṣūrat/ 'lebih cantik daripada gambar', أَصْفَى مِنَ الْمَاءِ /aṣfā min al-māʾ/ 'lebih jernih daripada air', أَقْوَى مِنَ الْحِصَانِ /aqwā min al-ḥiṣān/ 'lebih kuat daripada kuda'; (7) konteks spesialis, iaitu yang berkaitan dengan bidang khusus ilmu dan teknologi: (a) ekonomi, seperti: تَضَخُّمٌ نَقْدِي /taḍakhkhum naqdī/ 'inflasi', رُكُودٌ اِقْتِصَادِي /rukūd iqtisādī/ 'ekonomi yang tidak berkembang', سُوقٌ سَوْدَاءٌ /sūq sawdāʾ/ 'pasar gelap'; (b) komputer, seperti: فَيْرُوسُ الْحَاسِبِ /fayrūs al-ḥāsib/ 'virus komputer', بَنْكُ الْمَعْلُومَاتِ /bank al-maʿlūmāt/ 'bank data', مُعَالَجَةُ الْمَعْلُومَاتِ /muʿālah al-maʿlūmāt/ 'memproses data'; (c) perubatan, seperti: اَلتَّخْدِيرُ الْمَوْضِعِي /al-takhdīr al-mawḍiʿī/ 'pembiusan setempat', اَلتَّخْدِيرُ الْعَامِ /al-takhdīr al-ʿām/ 'pembiusan umum', تَشْرِيحُ الْجُثَّةِ /tasyriḥ al-juththāt/ 'bedah siasat', اَلطَّبُّ الشَّرْعِيّ /al-ṭibb al-syarʿī/ 'ilmu perubatan forensik'; (d) fizik dan kimia, seperti: اَلْأَجْسَامُ الصَّلْبَةُ /al-ajṣām al-ṣalbat/



ajsām al-ṣalbat/ 'pepejal', الْأَجْسَامُ السَّائِلَةُ /al-ajsām al-sā'ilat/ 'cecair', أَلْوَزْنُ النَّوْعِي /al-wazn al-naw'ī/ 'graviti khusus', كِيمِيَاءُ عُضْوِيَّة /kīmiyā 'uḍwiyyat/ 'kimia organik'; (e) geografi, seperti: خَطُّ الْإِسْتِوَاءِ /khaṭ al-istiwā'/ 'khatulistiwa', سَلَاسِلُ جَبَلِيَّة /salāsil jabaliyyat/ 'banjaran gunung', خُطُوطُ الطُّوْل /khuṭūṭ al-ṭūl/ 'longitud', خُطُوطُ الْعَرْض /khuṭūṭ al-'ard/ 'altitud'; (f) perundang-undangan, seperti: أَحْكَامُ عُرْفِيَّة /ahkām 'urfiyyat/ 'undang-undang darurat', مَحْكَمَةُ الْإِسْتِئْنَاْف /maḥkamaṭ al-isti'nāf/, 'mahkamah rayuan', حُكْمٌ بِالْإِعْدَامِ /ḥukma bi al-i'dām/ 'dihukum mati'; (g) pertanian, seperti: أَرْضٌ مَرْوِيَّة /arāḍin marwiyyat/ 'tanah yang diairi irigasi', أَرْضٌ بَعْلِيَّة /arāḍin ba'liyyat/ 'tanah gersang', أَسْمِدَاتُ كِيمِيَائِيَّة /asmidaṭ kīmyā'iyyat/ 'baja kimia', أَسْمِدَاتُ عُضْوِيَّة /asmidaṭ 'uḍwiyyat/ 'baja organik'; (8) konteks sastera, iaitu kolokasi yang banyak ditemukan dalam karya-karya sastera seperti syair, novel, drama dan cerita pendek, seperti: سَاقَتْهُ الْأَقْدَارُ /sāqathu al-aqdār/ 'dipandu oleh takdir', طَابَ بِهِ الْمَقَامُ /ṭāba bihi al-maqām/ 'selesa, serasa di rumah sendiri', ضَحِكَ بِمِلِّهِ شِدْقِيَه /dahika bi mil'i syidqayhi/ harfiah: 'tertawa dengan sepenuh tulang rahangnya, maksudnya 'tersengih'.

#### 2.4.6 Klasifikasi kolokasi mengikut Ḥassān

Sementara itu, klasifikasi ungkapan yang dibuat oleh Ḥassān (1985: 364-370) dapat dikatakan sebagai klasifikasi pragmatik, kerana ungkapan-ungkapan yang dikemukakannya bersifat fungsional dan makna ungkapan sangat bergantung pada beberapa "aspek situasi ujar", iaitu (a) yang menyapa (penyapa) atau yang disapa (pesapa), (b) konteks sebuah tuturan, (c) tujuan sebuah tuturan (Leech, 1993: 19-20). Klasifikasi ini berdasarkan konsep pakar Ilmu Balaghah (*rethoric*), iaitu لِكُلِّ مَقَامٍ مَقَالٌ /li kulli maqāmin maqāl/ 'pertuturan (*speech event*) bergantung pada konteks situasi

(*context of situation*)', dan teori al-Sakkākiy (1937: 80) لِكُلِّ كَلِمَةٍ مَعَهَا صَاحِبَتَهَا مَقَامٌ /li kulli kalimatīn ma'a ṣāhibatīhā maqām/ 'every word associates with another word in a specific context' (Izwaini, 2004: 15). Kerana ungkapan-ungkapan yang dikemukakan oleh Ḥassān berikut ini sangat kuat kaitannya dengan budaya Arab, beberapa ungkapan terasa janggal bagi masyarakat Melayu. Banyak ungkapan bersumber dari ragam bahasa percakapan dan bahasa asing.

#### 2.4.6.1 Ungkapan sebagai ucapan biasa.

Ungkapan	Konteks Situasi
<p>إِسْمَعْ يَا فُلَانْ</p> <p>/isma' yā fulān/ 'dengarkanlah'</p>	bagi mohon perhatian sebelum berkata, diucapkan kepada sesama sahabat
<p>يَا سَيِّدِي الْعَزِيزِ</p> <p>/yā sayyidī al-'azīz/ 'tuan yang mulia'</p>	biasanya bagi menunjukkan rasa hormat
<p>يَا سَيِّدِي الْفَاضِلِ</p> <p>/yā sayyidī al-fāḍil/ 'tuan yang mulia'</p>	pendahuluan sebelum memprotes/ membantah
<p>بَعْدَ إِذْنِكَ</p> <p>/ba'da idhnik/ 'setelah mendapat kebenaran dari anda'</p>	bagi minta kebenaran dari seseorang yang setaraf atau dikenal
<p>بَعْدَ إِذْنِ سَيِّدَاتِكَ</p> <p>/ba'da idhni siyādatik/ 'setelah mendapat kebenaran dari tuan'</p>	bagi minta kebenaran dari seseorang yang dimuliakan atau tidak dikenal
<p>خُذْ بِالْأَمْرِ</p> <p>/khudh bālak/ 'ambil perhatian'</p>	bagi memberi peringatan

<p>وَأَنْتَ مَا لَكَ؟</p> <p>/wa anta mā lak/ 'ada apa denganmu?'</p>	bagi memberi teguran
<p>لِلْيَمِينِ دُرٌّ</p> <p>/li al-yamīn dur/ 'squad, ke kanan pusing'</p>	perintah askar dalam berbaris
<p>أَجِبْ عَمَّا يَأْتِي</p> <p>/ajib `ammā ya'ti/ 'jawablah soalan berikut'</p>	perintah menjawab soalan yang biasa ditulis di lembar soal peperiksaan
<p>ارْفَعْ مَقْتَكَ وَغَضَبَكَ عَنَّا</p> <p>/irfa' maqtaka wa ghadabak `annā/ 'angkatlah kemurkaan dan kemarahan-Mu dari kami'</p>	mohon pengampunan dari Allah S.W.T.
<p>رُحْ لِحَالِكَ</p> <p>/ruḥ li ḥālik/ 'pergilah'</p>	ungkapan bagi menghalau seseorang

#### 2.4.6.2 Ungkapan sebagai ucapan perpisahan.

Ungkapan	Konteks Situasi
<p>مَعَ السَّلَامَةِ</p> <p>/ma'a al-salāmat/ 'selamat jalan'</p>	diucapkan oleh orang yang ditinggalkan, (Wehr, 1974:426) dan diucapkan oleh siapa saja
<p>إِلَى اللَّقَاءِ</p> <p>/ilā al-liqā'/ 'hingga jumpa kembali'</p>	diucapkan oleh orang yang berpendidikan kepada orang lain
<p>رَبُّنَا يَجْمَعُ فِرْقَتَنَا</p> <p>/rabbunā yajma' firqatana/ 'semoga Tuhan mengumpulkan kita lagi'</p>	diucapkan oleh seorang ibu atau seorang isteri
<p>بَايَ بَايَ</p> <p>/bay bay/ 'bye-bye: selamat tinggal'</p>	diucapkan oleh kanak-kanak

<p>أَسْأَلُ اللَّهَ تَعَالَى أَنْ يَجْمَعَ شَمْلَنَا</p> <p>/as'alu allāha ta'āla an yajma'a syamlana/ 'semoga Allah mengumpulkan kesatuan kita'</p>	<p>diucapkan oleh orang-orang yang berpendidikan di bidang agama dan bahasa Arab</p>
<p>الْحَيُّ يَتَلَقَى</p> <p>/al-ḥayyu yatālaqā/ 'orang hidup akan saling bertemu'</p>	<p>diucapkan oleh orang Mesir bahagian atas/pantai.</p>

### 2.4.6.3 Ungkapan menyambut.

Ungkapan	Konteks Situasi
<p>أَهْلًا وَسَهْلًا</p> <p>/ahlan wa sahlān/ 'selamat datang'</p>	<p>diucapkan oleh pelbagai golongan</p>
<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى السَّلَامَةِ</p> <p>/alḥamdu li allāh 'alā al-salāmat/ 'segala puji bagi Allah atas keselamatan anda'</p>	<p>diucapkan kepada orang yang baru tiba dari perjalanan</p>
<p>فُرْصَةٌ سَعِيدَةٌ</p> <p>/fursat̄ sa'īdat̄/ 'peluang yang berbahagia'</p>	<p>diucapkan kepada orang yang tidak diduga bakal bertemu</p>
<p>زَارَنَا النَّبِيُّ</p> <p>/zāranā al-nabī/ 'nabi menziarahi kita'</p>	<p>sapaan yang popular di kalangan perempuan</p>
<p>إِيَّهَ الْنُّورِ دَهْ كُؤْهَ ٢٤</p> <p>/īh al-nūr dah kulluh/ 'cahaya apakah gerangan ini?'</p>	<p>diucapkan oleh sesama sahabat karib</p>
<p>خُطْوَةٌ عَزِيزَةٌ</p> <p>/khuṭwat̄ 'azīzat̄/ 'langkah yang mulia'</p>	<p>diucapkan kepada orang yang jarang berziarah</p>
<p>ذَكَرْنَا الْقِطَّ جَانًا يَنْطُ</p> <p>/dhakarnā al-qitt̄ jāna yanutt̄/ 'yang kami ingat kucing, yang datang malah yang melompat'</p>	<p>ucapan menyambut seseorang yang dikenal dengan gaya senda gurau</p>

<sup>24</sup> Dialek Mesir.

#### 2.4.6.4 Ungkapan bagi mengharuskan sesuatu.

Ungkapan	Konteks Situasi
<p>وَعْدُ الْحُرِّ دَيْنٌ عَلَيْهِ</p> <p>/wa‘du al-ḥurr dayn ‘alayh/ 'janji seorang yang merdeka adalah hutang yang harus ia tunaikan'</p>	bagi mengharuskan seseorang agar menunaikan janjinya
<p>كَلَامٌ شَرَفٌ</p> <p>/kalām syaraf/ 'perkataan itu maruah'</p>	bagi mengharuskan agar menunaikan janji
<p>لَا تَكُنْ مِثْلَ فُلَانٍ</p> <p>/lā takun mithla fulān/ 'jangan seperti si polan'</p>	bagi mengharuskan seseorang mengambil sikap tertentu
<p>النَّاسُ كُلُّهُمْ عَارِفِينَ أَمَانَتَكَ</p> <p>/al-nās kulluhum ‘ārifin amānatak/ 'orang-orang semuanya tahu bahawa anda dapat dipercayai'</p>	bagi mengharuskan menyampaikan amanah
<p>وَاللَّهِ الْعَظِيمِ أَقُولُ الْحَقَّ</p> <p>/wa allāhi al-‘azīm aqūlu al-ḥaqq/ 'demi Allah yang Maha Agung, aku berkata benar'</p>	bagi mengharuskan orang lain mempercayai perkataan seseorang
<p>قَبِلْتُ</p> <p>/qabiltu/ 'aku telah menerima'</p>	bagi menyelesaikan urusan niaga, mengikat kontrak, membuat perjanjian
<p>اللَّهُ يُبَارِكُ لَكَ</p> <p>/allāhu yubārik laka/ 'semoga Allah memberkatimu'</p>	bagi mengharuskan penjual menyerahkan barangan yang telah dijualnya kepada pembeli
<p>التَّوْقِيعَ عَلَى وَثِيقَةٍ</p> <p>/al-tawqī‘ ‘alā al-wathīqat/ 'tandatangan di atas dokumen'</p>	bagi mengharuskan seseorang mempercayai kandungan dokumen
<p>هَذَا وَعْدٌ</p> <p>/hādha wa‘d/ 'ini janji'</p>	bagi mengharuskan menunaikan janji

<p>لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ</p> <p>/lā ilāha illā allāhu/ 'tidak ada tuhan selain Allah'</p>	mengharuskan seorang muslim menjaga darah orang yang telah mengucapkannya
<p>أَيُّ حِمَارٍ قَالَ هَذَا</p> <p>/ayyu ḥimārin qāla hādhā/ 'keldai mana yang mengatakan ini'</p>	bagi mengharuskan orang yang berucap agar membebaskan diri dari apa yang telah diucapkannya

#### 2.4.6.5 Ungkapan bagi mengharapakan sesuatu.

Ungkapan	Konteks Situasi
<p>سَأَلْتُكَ بِاللَّهِ</p> <p>/sa'altuka bi allāh/ 'aku memohonmu demi Allah'</p>	mengharap seseorang mendengar perkataannya (dialek Libya) atau antara dua orang yang berpendidikan
<p>إِعْمَلْ مَعْرُوفٍ</p> <p>/i'mal ma'rūf/ harfiah: 'berbuatlah kebajikan', maksudnya: 'tolonglah saya'</p>	mengharapkan bantuan dari orang yang lebih rendah taraf kepada yang lebih tinggi.
<p>وَالنَّبِيِّ</p> <p>/wa al-nabī/ 'demi nabi'</p>	berharap di kalangan perempuan dan kanak-kanak
<p>وَالنَّبِيِّ يَا فُلَانَ</p> <p>/wa al-nabī yā fulān/ 'demi nabi hai polan'</p>	mengharap kepada orang tertentu
<p>سُقْتُ عَلَيْكَ النَّبِيَّ</p> <p>/suqtu 'alayka al-nabī/ 'aku bawakan nabi kepadamu'</p>	berharap di kalangan orang-orang awam
<p>عَلَيْكَ النَّبِيُّ</p> <p>/'alayka al-nabī/ 'atasmu nabi'</p>	berharap dalam dialek Umm Durman <sup>25</sup>
<p>عَلَيْكَ اللَّهُ</p> <p>/'alayk allāh/ 'atasmu Allah'</p>	berharap dalam dialek Umm Durman

<sup>25</sup> Umm Durman adalah nama bandar di Sudan, Afrika.

<p>أَرْجُوكَ</p> <p>/arjūk/ 'saya mengharapkanmu' maksudnya: tolonglah</p>	berharap tanpa suasana keakraban
<p>دَا أَنَا أَخُوكَ</p> <p>/dā ana akhūk/ 'ini saya saudaramu'</p>	berharap disertai mengingatkan keakraban
<p>أَكُونُ شَاكِرًا لَوْ ...</p> <p>/akūn syākir law.../ 'saya akan berterima kasih seandainya...'</p>	berharap dari orang yang lebih tinggi darjahnya kepada bawahannya atau sama darjahnya
<p>حَسَنَةً لِلَّهِ</p> <p>/ḥasanaṭ li allāh/ 'kebaikan bagi Allah'</p>	berharap bantuan yang diucapkan para pengemis kepada orang yang melaluinya

#### 2.4.6.6 Ungkapan bagi bersimpati.

Ungkapan	Konteks Situasi
<p>اللَّهُ يَرْحَمُهُ</p> <p>/allāh yarḥamuh/ 'semoga Allah mengasihaniya'</p>	bersimpatnya orang awam diucapkan pada semua lapisan
<p>رَحِمَهُ اللَّهُ</p> <p>/raḥimahu allāh/ 'semoga Allah mengasihaniya'</p>	bersimpati dari seorang terpelajar biasa
<p>رَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيْهِ</p> <p>/raḥmatu allāh 'alayh/ 'semoga rahmat Allah dilimpahkan kepadanya'</p>	bersimpati yang diucapkan oleh para syaikh dan orang-orang terpelajar di bidang budaya Arab
<p>عَلَيْهِ رَحْمَةُ اللَّهِ</p> <p>/'alayhi raḥmatu allāh/ 'semoga rahmat Allah dilimpahkan kepadanya'</p>	bersimpati yang diucapkan oleh para syaikh dan orang-orang terpelajar di bidang budaya Arab
<p>وَاللَّهِ كَانُ طَيِّبًا ٢٦</p> <p>/wa allāhi kān ṭayyib/ 'demi Allah dia itu baik'</p>	bersimpati yang popular di semua lapisan

<sup>26</sup> Ungkapan orang awam yang tidak mengikut aturan nahu, iaitu dengan mensukunkan bahagian akhir setiap kata.

<p>خَيْرَكُمْ السَّابِقُونَ</p> <p>/khiyārukum al-sābiqūn/ 'yang terbaik di antara kalian adalah orang-orang terdahulu'</p>	bersimpati diucapkan oleh orang yang berlatar pendidikan agama
<p>جَعَلَ اللَّهُ مَثْوَاهُ الْجَنَّةَ</p> <p>/ja'ala allāhu mathwāhu al-jannaṭ/ 'semoga Allah menjadikan surga tempat tinggalnya'</p>	bersimpati diucapkan oleh yang berlatar belakang budaya Arab
<p>اللَّهُ يُوسِّعُ لِحَايِدِهِ</p> <p>/allāh yuwassi' li ḥāyidih/ 'semoga Allah melapangkan kuburnya'</p>	bersimpati orang Mesir pedusunan
<p>اللَّهُ يَبْسُطُ الطُّبَّةَ الَّتِي تَحْتَ رَأْسِهِ</p> <p>/allāhu yubasybisy al-ṭūbaṭ illī taḥt rāsuh/ 'semoga Allah membasahi batu-batu yang berada di bawah kepalanya'</p>	bersimpati yang diucapkan penduduk Kaherah <sup>27</sup>
<p>الرَّحْمَةُ تَنْزِلُ عَلَيْهِ</p> <p>/al-raḥmaṭ tanzil 'alayh/ 'semoga rahmah turun kepadanya'</p>	bersimpati yang diucapkan perempuan
<p>كُلُّنَا لَهَا</p> <p>/kullunā lahā/ 'semua kita miliknya'</p>	bersimpati yang populer
<p>وَاللَّهُ اِزْتَاَح</p> <p>/wa allāhi irtāh/ 'demi Allah, berehatlah'</p>	diucapkan berkenaan orang yang sudah lama menderita sakit

#### 2.4.6.7 Ungkapan menyatakan ketakjuban.

Ungkapan	Konteks Situasi
<p>يَا سَلَام</p> <p>/yā salām/ 'amboi' (diucapkan dengan intonasi khas)</p>	takjub yang populer

<sup>27</sup> Ucapan simpati ini mengandung doa agar jenazah yang berada dalam kubur memperoleh keselesaan yang dikisahkan dengan batu-batu yang dibasahi. Ucapan ini berasal dari bahasa Mesir lama yang berasal dari *Coptic* (<http://coptsrights.net/forum/showthread.php?t=16893>).



<p>يَا هُوَ</p> <p>/yā huwa/ 'hai dia'</p>	takjub memperolok
<p>يَا حَلَاوَةٌ</p> <p>/yā ḥalāwat/ 'amboi cantiknya'</p>	takjub di kalangan orang awam
<p>يَا حَلَاوَاتِكَ</p> <p>/yā ḥalāwatak/ 'amboi cantiknya kamu'</p>	takjub di kalangan orang awam
<p>يَا وَعْدِي</p> <p>/yā wa'dī/ 'hai janjiku'</p>	takjub berkenaan dengan percintaan
<p>إِشْ</p> <p>/isy/ 'apa'</p>	takjub di kalangan masyarakat awam
<p>يَاي</p> <p>/yāy/ 'amboi'</p>	takjub diucapkan dara-dara yang mengikuti gaya hidup Barat

#### 2.4.6.8 Ungkapan menyatakan sapaan.

Ungkapan	Konteks Situasi
<p>السَّلَامُ عَلَيْكُمْ</p> <p>/al-salāmu 'alaykum/ 'semoga kesejahteraan dilimpahkan kepadamu'</p>	sapaan yang populer di pelbagai lapisan
<p>صَبَاحَ الْخَيْرِ</p> <p>/ṣabāḥa al-khayr/ 'selamat pagi'</p>	sapaan umum pada pagi hari
<p>نَهَارُكُمْ سَعِيدٌ</p> <p>/nahārukum sa'īd/ 'selamat siang'</p>	sapaan yang biasa diucapkan orang-orang Qibtiy ( <i>Coptic</i> : orang Mesir yang beragama Kristian).

<p>سَا الْخَيْرِ</p> <p>/sā al-khayr/ 'selamat petang'</p>	<p>diucapkan wanita dari kalangan awam di Kaherah pada petang hari</p>
<p>صَبَاحَ النُّورِ</p> <p>/ṣabāḥa al-nūr/ 'selamat pagi'</p>	<p>jawaban kepada orang yang mengatakan صَبَاحَ الْخَيْرِ /ṣabāḥa al-khayr/</p>
<p>صَبَاحَ الْفُلِّ</p> <p>/ṣabāḥa al-ful/ 'selamat pagi kacang'</p>	<p>sapaan sesama penduduk bandar di Kaherah pada pagi hari</p>
<p>نَهَارُكُمْ قَشَطَةَ</p> <p>/nahārukum qisyṭat/ 'selamat siang kepala susu'</p>	<p>sapaan sesama penduduk bandar di Kaherah pada tengah hari</p>
<p>صَبَاحَ الْوَرْدِ</p> <p>/ṣabāḥa al-ward/ 'selamat pagi mawar'</p>	<p>sapaan sesama penduduk bandar di Kaherah pada pagi hari</p>
<p>الْوَرْدُ فُتِحَ لِلنَّبِيِّ</p> <p>/al-ward futiḥa li al-nabiy/ 'mawar mekar untuk nabi: selamat pagi'</p>	<p>sapaan yang bernada percintaan atau membodek</p>

#### 2.4.6.9 Ungkapan menyatakan tahniah.

Ungkapan	Konteks Situasi
<p>مَبْرُوكٌ</p> <p>/mabrūk/ 'tahniah'</p>	<p>tahniah yang popular diucapkan sesiapa saja</p>
<p>مَبْرُوكٌ يَا فُلَانَ</p> <p>/mabrūk yā fulān/ 'tahniah hai polan'</p>	<p>tahniah yang disertai perhatian khusus</p>
<p>مُبَارَكٌ</p> <p>/mubārak/ 'tahniah'</p>	<p>tahniah yang biasa diucapkan orang yang berlatar belakang budaya Arab</p>

<p>رَبُّنَا يُتَمِّمُ بِحَيْرٍ</p> <p>/rabbunā yutammim bi khayr/ 'semoga Tuhan kita menyempurnakan kebaikan'</p>	tahniah yang biasa diucapkan selepas penandatanganan kontrak atau memulakan
<p>وَاللَّهِ فَرَحْنَا لَكَ</p> <p>/wa allāhi farahnā laka/ 'demi Allah kami bersuka cita untukmu'</p>	tahniah bagi mempererat persahabatan
<p>نُهِئِكَ</p> <p>/nuhannīk/ 'bertahniah untukmu'</p>	tahniah (berbudi bahasa secara pura-pura)
<p>أَجْمَلُ التَّهْنِئَاتِ</p> <p>/ajmal al-tahānī/ 'tahniah yang paling cantik'</p>	tahniah dalam bentuk tulisan
<p>نُهِئْنَا أَنْفُسَنَا</p> <p>/nuhanni' anfasanā/ 'kita ucap tahniah untuk kita sendiri'</p>	tahniah bagi membodek atau mendekati diri
<p>نُهِئْنَا الْمَنْصِبِ</p> <p>/nuhanni' al-mansib/ 'kami ucap tahniah untuk jawatan'</p>	tahniah bagi membodek seseorang yang berpengaruh, berpangkat
<p>أَلْفَ مَبْرُوكٍ</p> <p>/alfa mabrūk/ 'seribu tahniah'</p>	tahniah bagi kelulusan setelah melewati kepayahan dan perjuangan yang berat
<p>رَبُّنَا يَزِيدُكَ مِنْ نِعْمِهِ</p> <p>/rabbunā yazīdak min na`imih/ 'semoga Tuhan kita menambah nikmatnya untukmu'</p>	tahniah diucapkan oleh masyarakat awam

#### 2.4.6.10 Ungkapan bagi memberikan nasihat.

Ungkapan	Konteks Situasi
<p>أَنْصَحُكَ</p> <p>/anṣaḥuk/ 'saya menasihatimu'</p>	nasihat disertai peringatan keras

<p>إِسْمَعْ كَلَامِي</p> <p>/isma‘ kalāmī/ 'dengarkan perkataanku'</p>	<p>diucapkan kepada orang yang keras kepala, degil</p>
<p>الَّذِينَ النَّصِيحَةَ</p> <p>/al-dīn al-naṣīḥat/ 'agama itu nasihat'</p>	<p>diucapkan ketika dikhuatirkan ada keraguan atau nasihatnya tidak didengar</p>
<p>أَنَا لَا أَغْشُوكَ</p> <p>/ana lā aghusysyuk/ 'saya tidak menipumu'</p>	<p>bagi meyakinkan bahawa nasihatnya itu tulus ikhlas</p>
<p>إِذَا كُنْتَ عَائِزَ النَّصِيحَةَ</p> <p>/idhā kunta ‘āyiz al-naṣīḥat/ 'jika kamu ingin nasihat'</p>	<p>diucapkan bagi menghilangkan keraguan dan memperkuat nasihat</p>
<p>إِذَا كُنْتَ عَائِزَ الْجِدِّ</p> <p>/idhā kunta ‘āyiz al-jidd/ 'jika kamu ingin sungguh-sungguh'</p>	<p>diucapkan bagi menghilangkan keraguan dan memperkuat nasihat</p>
<p>وَاللَّهِ أَنَا خَائِفٌ عَلَيْكَ</p> <p>/wa allāhi ana khāyif ‘alayk/ 'demi Allah saya mengkhawatirimu'</p>	<p>bagi memberi nasihat dan sekali gus ancaman</p>
<p>وَاللَّهِ أَنَا رَأْيِي كَذَا</p> <p>/wa allāhi ana ra’yī kadhā/ 'demi Allah pendapatku adalah..'</p>	<p>diucapkan oleh orang yang memiliki pengaruh terhadap orang yang dinasihati</p>
<p>أَحْسَنُ شَيْءٍ تَعْمَلُ كَذَا</p> <p>/aḥsan syay’ ta‘mal kadhā/ 'sebaiknya kamu berbuat...'</p>	<p>nasihat setelah orang yang diberi nasihat itu mohon pendapat kepadanya</p>
<p>وَالنَّاسُ يَقُولُوا إِيَّاهُ</p> <p>/wa al-nās waqūlū ih/ 'orang-orang akan mengatakan apa'</p>	<p>nasihat dan kecaman</p>

Ungkapan-ungkapan di atas hanyalah sekadar contoh dari sebahagian konteks situasi yang menggambarkan budaya rakyat Mesir yang dalam kesehariannya lebih banyak menggunakan bahasa ragam percakapan, sehingga seperti dikatakan di atas, banyak ungkapan yang terdengar ganjil di telinga kita, orang Melayu.

Beberapa ungkapan di atas secara zahir tampak terdiri dari satu kata, seperti إِشْ /isy/, يَايْ /yāy/ 'amboi', مَبْرُوكْ /mabrūk/ 'tahniah', مُبَارَكْ /mubārak/ 'tahniah', sehingga seakan-akan tidak memenuhi syarat yang dicadangkan oleh Maman S. Mahayana di atas (lihat sub bab 2.2) bahawa ungkapan terdiri atas dua kata atau lebih yang membentuk satu makna. Namun, apabila dianalisis lebih lanjut, sebetulnya ungkapan-ungkapan itu sedikitnya terdiri dari dua perkataan dan perkataan itu sengaja dibuang. Misalnya, ungkapan إِشْ /isy/ 'apa' adalah ragam percakapan yang merupakan kependekan dari أَيُّ شَيْءٍ /ayyu sya'in / 'apa ini' dalam ragam standard<sup>28</sup>, sedangkan ungkapan يَايْ /yāy/ 'amboi', مَبْرُوكْ /mabrūk/ 'tahniah', مُبَارَكْ /mubārak/ 'tahniah', merupakan predikat dari subjek yang boleh dibuang kerana dapat difahami dari konteks (al-Rājihīy, 2004: 108). Asalnya adalah أَنْتِ يَايْ /anti yāy/ 'kamu amboi', أَنْتَ مَبْرُوكْ /anta mabrūk/ 'kamu mendapat tahniah', أَنْتَ مُبَارَكْ /anta mubārak/ 'kamu mendapat tahniah'. Setidaknya pentafsiran seperti ini sejalan dengan wujudnya idiom dalam bahasa Arab yang hanya terdiri dari sebuah kata, tetapi sesungguhnya mewakili dua buah kata, seperti الْأَبَوَانِ /al-abawāni/ 'ayah dan ibu, atau ayah dan paman, atau ayah dan datuk' (Ḥusām al-Dīn, 1985: 281).

Berkaitan dengan kategori pragmatik ini, dalam bahasa Melayu ada dikenal dengan "Bahasa Diraja", iaitu bahasa yang digunakan dalam perhubungan kebahasaan di masa sekurang-kurangnya salah satu pihak itu terdiri daripada keluarga raja (Asmah Haji Omar, 2004: 1). Dalam "Bahasa Diraja" ini terdapat ungkapan-ungkapan diraja yang terdiri dari dua kategori, iaitu (1) rutin bahasa, dan (2) ungkapan-ungkapan leksis. Rutin bahasa merupakan ungkapan-ungkapan yang terdiri dari kolokasi perkataan yang sudah

<sup>28</sup> <http://www.khaled-alfaisal.com/vb/archive/index.php/t-21814.html>

jumud, dan dari segi penggunaannya terhad pada konteks-konteks tertentu sahaja, khususnya dalam memberi penghormatan, memulakan sembah, menyatakan sembah, menyatakan besar hati atau terima kasih. Misalnya: *Daulat Tuanku!*, *Ampun Tuanku!*, *Menjunjung Duli Tuanku!*, *Junjung kasih, Tuanku!*. Ungkapan-ungkapan ini selain bersifat jumud, juga tidak memiliki padanannya dalam bahasa bukan diraja yang juga dikenal dengan *bahasa biasa* dan *bahasa orang kebanyakan* (Ibid). Berbeza dengan ungkapan leksis, meskipun terdiri dari rangkai-rangkai kata (kolokasi) jumud, tetapi ada padanannya dalam bahasa biasa. Ungkapan leksis dalam "Bahasa Diraja" memiliki fungsi keelokan sekali gus berfungsi sebagai bahasa halus, iaitu bahasa yang digunakan dengan penuh sopan santun dan adab tertib. (Ibid: 2). Misalnya, *datanglah peredaran dunia* = meninggal dunia; *derma kurnia* = pemberian, jasa bakti; *limpah berkenan* = izin; *mencemar duli* = datang; *berkirim sembah* = berkirim salam (Ibid: 9).

## 2.5 Batasan Kolokasi Bahasa Arab

Kolokasi dalam bahasa Arab sama halnya dengan kolokasi yang terdapat dalam bahasa lainnya, muncul dengan sejumlah pengehadan. Dalam bahasa Inggeris, misalnya, dikenal dengan *lexical range* 'jangkauan leksikal' yang menentukan sesuatu kata boleh berkolokasi dengan kata lainnya atau tidak. Contoh, KN *meat* dan *flesh*. Pengehadan kolokasi dalam bahasa Inggeris melarang KN *meat* untuk berkolokasi dengan kata *wound*, dan mengharuskan seseorang untuk mengucapkan *flesh wound*, kerana di antara takrif dari kata *wound* adalah bahawa lazimnya kata ini digunakan bagi makhluk hidup (Pinchuck, 1977: 59).

Pengehadan kolokasi dalam bahasa apa pun lazimnya terpulang kepada kebiasaan pemakai bahasa dan tidak ada alasan logik, seperti dalam sapaan *good morning* atau *good evening* atau صَبَاحَ الْخَيْرِ /ṣabāḥa al-khayr/ dan مَسَاءَ الْخَيْرِ /masā'a al-khayr/. Kita tidak dapat mencari tahu alasan logik, mengapa KA *good* boleh berkolokasi dengan *morning* dan *evening*, atau KN الْخَيْرِ /al-khayr/ boleh berkolokasi dengan صَبَاحَ /ṣabāḥ/ dan مَسَاءَ /masā'/ dan mengapa KA *excellent* tidak boleh berkolokasi dengan *morning* dan *evening*, sama halnya dengan KA الْأَحْسَنَ /al-aḥsan/ tidak boleh berkolokasi dengan صَبَاحَ /ṣabāḥ/ dan مَسَاءَ /masā'/ sehingga kita tidak akan menemukan sapaan seperti \**excellent morning* atau \**excellent evening* (lihat Pinchuck, 1977: 59), sama halnya kita juga tidak akan pernah mendapatkan sapaan berbunyi \* صَبَاحَ الْأَحْسَنَ /ṣabāḥa al-aḥsan/ atau pun \* مَسَاءَ الْأَحْسَنَ /masā'a al-aḥsan/.

Di antara pakar yang membincangkan pengehadan kolokasi dalam bahasa Arab adalah Ḥusām al-Dīn (1985) yang berpendapat bahawa perkataan tidak muncul bersama-sama dalam sebuah bahasa semata-mata kerana kebetulan, tetapi ada pengehadan yang mengatur penggunaannya. Berikut pengehadan yang ia tulis dalam bukunya bertajuk اَلتَّعْبِيرُ الْإِصْطِلَاحِي: دِرَاسَةٌ فِي تَأْصِيلِ الْمُصْطَلَحِ وَمَفْهُومِهِ وَبِحَالَاتِهِ الدَّلَالِيَّةِ وَأَتْمَاتِهِ التَّرْكِيبِيَّةِ /al-ta'bir al-iṣṭilāḥī: dirāsaṭ fī ta'sīl al-muṣṭalaḥ wa mafhūmihi wa majālātihi al-dilāliyyaṭ wa anmāṭihi al-tarkībiyyaṭ/ 'idiom: kajian tentang asal usul istilah, kefahaman, bidang-bidang semantik, dan pola-pola binaannya'.

### 2.5.1 Batasan Kolokasi Bahasa Arab mengikut Ḥusām al-Dīn

Ḥusām al-Dīn (1985: 258-260), linguist yang menyebut kolokasi dengan istilah اَلْمُصَاحَبَةُ /al-muṣāḥabaṭ/ ini mengemukakan tiga batasan untuk kolokasi bahasa Arab,

iaitu: (1) تَوَافُقِيَّةُ الْمُصَاحَبَةِ /tawāfuqiyyat al-muṣāḥabat/ 'kесerasian kolokasi'. Batasan ini selanjutnya akan disebut “Kесerasian Kolokasi”, (2) مَدَى الْمُصَاحَبَةِ /madā al-muṣāḥabat/ 'had jangkauan kolokasi', selanjutnya akan disebut ”Had Jangkauan Kolokasi”, dan (3) تَوَاطُرِيَّةُ الْمُصَاحَبَةِ /tawāturīyat al-muṣāḥabat/ 'keteguhan kolokasi', selanjutnya disebut ”Keteguhan Kolokasi”.

### 2.5.1.1 Kесerasian Kolokasi

Maksudnya, harus ada kесerasian antara perkataan yang berkolokasi. Kесerasian ini bergantung pada pengetahuan linguistik seseorang atau kerana keberkesanan dari alam semula jadi. Misalnya, seorang penutur asli bahasa Arab akan mengatakan جَبَلٌ شَاهِقٌ /jabalun syāhiq/ 'gunung yang tinggi', dan tidak akan mengatakan \*رَجُلٌ شَاهِقٌ /rajulun syāhiq/ 'lelaki yang tinggi', tetapi ia akan mengatakan رَجُلٌ طَوِيلٌ /rajulun ṭawīl/ 'lelaki yang tinggi', kerana perkataan شَاهِقٌ /syāhiq/ hanya serasi berkolokasi dengan KN جَبَلٌ /jabal/ dan tidak dengan KN رَجُلٌ /rajul/, meskipun kedua-dua KA tersebut tergolong bersinonim. Contoh lain, seorang penutur asli bahasa Arab akan mengatakan رَجُلٌ وَسِيمٌ /rajulun wasīm/ 'pemuda yang tampan/ dan امْرَأَةٌ جَمِيلَةٌ /imra'atun jamīlat/ 'perempuan yang cantik'. Huruf تَاءٌ مَرْبُوتَةٌ /tā' marbūṭat/ iaitu "ة" yang biasanya digunakan sebagai penanda jantina feminin, dalam pemberian atribut seperti ini tidaklah serasi. Dengan perkataan lain, KA وَسِيمٌ /wasīm/ hanya serasi berkolokasi dengan رَجُلٌ /rajul/ dan tidak serasi digunakan sebagai KA perempuan meskipun diberi imbuhan تَاءٌ مَرْبُوتَةٌ sehingga menjadi وَسِيمَةٌ /wasīmat/. Oleh itu, konstruksi \*امْرَأَةٌ وَسِيمَةٌ /imra'at wasīmat/ sebagai konstruksi yang tidak diterima. Demikian juga sebaliknya, KA جَمِيلَةٌ /jamīlat/ meskipun penanda femininnya ditinggalkan menjadi جَمِيلٌ /jamīl/, KA ini tetap



tidak serasi untuk berkolokasi dengan رَجُلٌ جَمِيلٌ /rajul/ sehingga konstruksi \* رَجُلٌ جَمِيلٌ /rajulun jamil/ merupakan kolokasi yang tidak diterima. Keindahan pada kedua-dua jantina tersebut dinyatakan dengan ٠KA yang berbeza secara leksikal.

### 2.5.1.2 Had Jangkauan Kolokasi

Yang dimaksud adalah sejumlah perkataan yang dapat wujud bersama dengan perkataan lain bagi menghasilkan kolokasi yang dapat diterima. Kata kerja مَاتَ /māta/ 'mati', misalnya, memiliki jangkauan kolokasi yang luas. Perkataan itu dapat berkolokasi dengan pelbagai perkataan yang berbeza. Ia dapat digunakan bersama KN إِنْسَانٌ /insān/ 'manusia', حَيَوَانٌ /ḥayawān/ 'haiwan', dan نَبَاتٌ /nabāt/ 'tumbuhan'. Oleh itu, dapat dikatakan مَاتَ عَلِيٌّ /māta 'alī/ 'Ali mati', مَاتَ الْكَلْبُ /māta al-kalb/ 'anjing itu mati', dan مَاتَ النَّبَاتُ /māta al-nabāt/ 'tumbuhan itu mati'. Hal itu berbeza dengan kata kerja تُوُفِّيَ /tuwuffiya/ yang juga mengandung makna mati. Ia hanya dapat berkolokasi dengan manusia sahaja, sehingga tidak akan ditemukan kolokasi \* تُوُفِّيَ الْكَلْبُ /tuwuffiya al-kalb/ 'anjing itu wafat' dan tidak pula \* تُوُفِّيَ النَّبَاتُ /tuwuffiya al-nabāt/ 'tumbuhan itu wafat'.

### 2.5.1.3 Keteguhan Kolokasi

Yang dimaksud adalah bahawa kewujudan bersama beberapa perkataan tidak dapat saling bertukar dan hal itu tidak ada kaitannya dengan kaedah nahu. Puncanya adalah kesepakatan masyarakat pemakai bahasa itu sendiri. Maka dalam bahasa Arab ada ungkapan seperti طَافَ حَوْلَ الْكَعْبَةِ /ṭāfa ḥawla al-ka'baṭ/ 'tawaf di sekitar Ka'bah' dan سَعَى بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ /sa'ā bayna al-ṣafā wa al-marwaṭ/ 'bersa'i antara bukit Safa

dan Marwah', dan kita tidak akan mendengar \* سَعَى حَوْلَ الْكَعْبَةِ /sa'ā ḥawla al-ka'baṭ/ 'bersa'i di sekitar Ka'bah' dan tidak pula \* طَافَ بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ /ṭāfa bayna al-ṣafā wa al-marwat/ 'tawaf antara bukit Safa dan Marwah'<sup>29</sup>.

Keteguhan kolokasi seperti ini tercermin pula dalam ungkapan-ungkapan konteks agama seperti صَدَقَ اللهُ الْعَظِيمَ /ṣadaqa allāh al-'aẓīm/ dan اللهُ أَكْبَرُ /allāhu akbar/ sehingga kita tidak akan pernah mendengar ungkapan \* صَدَقَ اللهُ الْكَبِيرَ /ṣadaqa allāhu al-kabīr/ dan tidak juga \* اللهُ أَعْظَمُ /allāhu a'ẓam/, meskipun KA الْعَظِيمُ /al-'aẓīm/ dan الْكَبِيرُ /al-kabīr/ bersinonim (lihat penjelasan contoh (8)).

## 2.5.2 Batasan Kolokasi Bahasa Arab mengikut al-Wadrāniy

Al-Wadrāniy (2006: 195-196) memberikan pembatasan kolokasi dengan menetapkan lima kriteria, iaitu: (1) Kriteria Konstruksi, (2) Kriteria Keterikatan, (3) Kriteria Semantik, (4) Kriteria Penterjemah, dan (5) Kriteria Fungsi.

### 2.5.2.1 Kriteria Konstruksi

Yang dimaksud adalah bahawa kolokasi adalah kombinasi leksikal dalam bentuk ungkapan. Ini bererti, kolokasi paling sedikit harus terdiri dari dua buah unsur leksikal dan telah menjadi ungkapan. Unsur leksikal yang berkombinasi sehingga membentuk kolokasi, dalam bahasa Arab, tidak terhad pada bentuk kata sahaja, tetapi boleh juga berbentuk partikel, seperti yang dikemukakan oleh Ghazala di atas. Misalnya, kolokasi لَأَ لُبْسَا فِيهِ /lā lubsa fihi/ 'tak ada keraguan padanya'; (lihat 2.6.5.1 Konstruksi nahu)

---

<sup>29</sup> Ternyata apa yang dikemukakan oleh Ḥusām al-Dīn ini tidak berlaku sepenuhnya, kerana Sayyid Quṭb menggunakan ungkapan طَافَ بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ /ṭāfa bayna al-ṣafā wa al-marwat/ (Lihat sub-bab 6.2.3)

### 2.5.2.2 Kriteria Keterikatan

Iaitu bahawa kolokasi merupakan kombinasi konstruksi yang siap dan mantap. Oleh itu, konstruksi ini telah dikenal di kalangan pengguna bahasa secara luas, dan keteguhan ini berpulang pada kesepakatan para pengguna bahasa itu sendiri. Keterikatan antara unsur-unsur leksikal yang berkolokasi dapat dilihat misalnya dalam kolokasi FKK yang terdiri dari KK dan KSN. Misalnya, KK رَغِبَ /raghiba/, apabila berkolokasi dengan KSN فِي /fi/ maknanya 'menyukai', tetapi manakala berkolokasi dengan KSN عَنْ /'an/ bermakna 'membenci'. Keterikatan antara KK رَغِبَ /raghiba/ dengan KSN فِي /fi/ ini merupakan keterikatan yang tidak boleh dipisahkan bagi menerbitkan makna 'menyukai', sama halnya keterikatan KK رَغِبَ /raghiba/ dan KSN عَنْ /'an/ bagi menerbitkan makna 'membenci' (lihat subbab 2.2 tentang kolokasi, ungkapan, idiom, dan peribahasa).

### 2.5.2.3 Kriteria Semantik

Iaitu bahawa makna kolokasi tidak dapat difahami dari makna setiap unsur-unsur yang berkolokasi secara sendiri-sendiri, kerana boleh jadi salah satu dari unsur-unsur itu mengandung makna metafora. Misalnya, kolokasi KK + KN تَرْتَعِدُ فَرَائِصُهُ /tarta'idu farā'isuhu/ yang secara harfiah akan sulit difahami kerana ertinya adalah 'daging antara bahu dan dada menggigil', padahal yang dimaksud adalah 'menggigil kerana sangat ketakutan' (lihat subbab 2.6.5.1 konstruksi nahu).

Sesuatu kata yang ketika muncul sendiri mengandung erti yang berbeza manakala kata tersebut muncul bersama kata lainnya dan membentuk sebuah istilah. Kenyataan seperti inilah yang menjadi pokok kajian al-Ḥusaynīy (2007) yang

menyelidiki kesan kolokasi dalam Pengehadan makna dalam al-Quran al-Karim. Misalnya, kolokasi KN *أُمُّ*/umm/ dengan KN *الْقُرْأَى* /al-qurā/ dan *الْكِتَاب* /al-kitāb/ dalam konstruksi *Idāfat*, seperti dalam contoh: ﴿وَلْنُنذِرْ أُمُّ الْقُرْأَى وَمَنْ حَوْلَهَا﴾ petikan dari surah al-An‘ām ayat 92 yang diterjemahkan ke bahasa Melayu menjadi ‘supaya engkau memberi peringatan kepada penduduk-penduduk Ummul Qura (Makkah) dan mereka yang berada di sekelilingnya’ (M/5/294) , dan ﴿هُنَّ أُمُّ الْكِنَابِ﴾ petikan dari surah Āli ‘Imrān ayat 7 yang diterjemahkan menjadi ‘itulah induk al-Quran’ (M/2/254). Al-Husayniy (2007: 276) menyatakan bahawa kombinasi *أُمُّ*/umm/ dengan KN *الْقُرْأَى* /al-qurā/ telah membentuk sebuah istilah khas yang maksudnya adalah Makkah al-Mukarramah. Ketika kedua-dua kata ini disebutkan, yang terlintas dalam minda adalah makna yang dimaksud tersebut.

Demikian pula halnya dengan kombinasi KN *أُمُّ*/umm/ dan KN *الْكِتَاب* /al-kitāb/ telah membentuk sebuah istilah yang mengikuti pendapat al-Husayniy, setelah mengutip pendapat beberapa ahli tafsir, seperti al-Zamakhshariy, al-Alusiyy, dan al-Qurtubiyy, bahawa yang dimaksud adalah: (1) ayat-ayat al-Quran al-Karim yang bermakna jelas, (2) al-Lawḥ al-Maḥfuz, dan manakala disebutkan di luar ayat al-Quran yang dimaksud adalah surah al-Fātiḥat (Ibid: 278).

#### 2.5.2.4 Kriteria Penterjemahan

Iaitu bahawa ungkapan dalam kolokasi tidak dapat diterjemahkan secara harfiah kecuali dalam jenis tertentu, iaitu dalam ungkapan analitis. Misalnya, contoh di atas, iaitu *تَرْتَعِدُ فَرَائِصُهُ* /tarta‘idu farā’iṣuhu/ tidak mungkin diterjemahkan ke bahasa Melayu secara harfiah 'daging antara bahu dan dada menggigil', kerana ungkapan ini tidak

berjaya menyampaikan mesej teks sumber (TS). Dalam bahasa Melayu dikenal ungkapan *berdiri (meremang, tegak) bulu tengkuknya (kuduknya)* yang merupakan kiasan bagi berasa ngeri (seram) (Noresah bt. Baharom, *et al*, 2005: 219).

Ungkapan kolokasi, apalagi jika sudah berbentuk idiom, jika dipaksakan diterjemahkan tentu sahaja akan menghasilkan sesuatu terjemahan yang sulit difahami, kerana akan memunculkan kombinasi perkataan yang tidak lazim bagi kita. Misalnya dalam sebuah laman web, sebuah artikel mengutip hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhiy yang di antara isinya adalah:

فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ عَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِدِ...

yang diterjemahkan menjadi ‘...Maka hendaknya kalian berpegang dengan sunnahku dan sunnah khulafa’ rasyidin yang mendapat petunjuk. Gigitlah sunnah itu dengan gigi geraham kalian...’ (Yayasan Dar el-Iman Padang Sumatera Barat, 2008)

Ungkapan *gigitlah sunnah itu dengan gigi geraham kalian*, jelas merupakan terjemahan harfiah dari *عَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِدِ* /‘addū ‘alayhā bi al-nawājidh/. Meskipun ungkapan ini berasal dari ucapan Rasulullah SAW., yang dapat dikelompokkan pada teks klasik, ternyata masih baki sehingga sekarang yang termasuk ke dalam kelompok idiom dalam bahasa Arab kontemporari. Fāyid (2007: 318) memasukkannya sebagai salah satu entri dalam kamusnya *مُعْجَمُ التَّعَابِيرِ الإِصْطِلَاحِيَّةِ فِي الْعَرَبِيَّةِ الْمُعَاصِرَةِ* /mu‘jam al-ta‘ābīr al-iṣṭilāḥiyyat fī al-‘arabiyyat al-mu‘āṣirat/ ‘Kamus Idiom dalam Bahasa Arab Kontemporari’. Ungkapan itu dijelaskan sebagai ’berpegang teguh’.

### 2.5.2.5 Kriteria Fungsi

Iaitu fungsi kolokasi mengandungi fungsi mengubah ciri khas yang wujud dalam pengalaman kelompok bahasa menjadi sesuatu ciri kolokasi. Misalnya, kolokasi كَبْشُ فِدَاءٍ /kabsyu fidā'/ yang secara harfiah bererti 'kambing tebusan'. Mengikut penjelasan al-Ra'ūd (2008), ungkapan ini diambil dari adat kebiasaan yang disebutkan dalam Kitab Perjanjian Lama yang kisah ringkasnya adalah bahawa sebahagian kabilah mempersembahkan kambing untuk menebus dosa. Persembahan haiwan kurban itu dilakukan dengan upacara tertentu.

Ungkapan كَبْشُ فِدَاءٍ /kabsyu fidā'/ merupakan ciri khas yang wujud dalam masyarakat pengguna bahasa Arab yang telah menjadi ciri khas kolokasi bahasa Arab. Konsep yang terkandung dalam ungkapan ini adalah bahawa kambing sebagai makhluk yang tidak berdosa menjadi mangsa bagi kepentingan makhluk lainnya yang berupa umat manusia.

Ungkapan ini dalam bahasa Inggeris dikenal dengan kata *scapegoat*<sup>30</sup> yang diterjemahkan dalam *New Oxford English-English-Malay Dictionary* (Steel, ed., 2006: 690) menjadi *orang yang disalahkan*, sementara *Kamus Dewan* (Noresah bt. Baharom, et al, 2005: 666) mencantumkan *kambing hitam* sebagai salah satu entrinya yang diertikan sebagai *orang yang dipersalahkan dalam sesuatu kejadian*.

Ungkapan كَبْشُ فِدَاءٍ /kabsyu fidā'/ berpadanan dengan *scapegoat* dalam bahasa Inggeris dan *kambing hitam* dalam bahasa Melayu adalah sebagai bukti bahawa kolokasi

---

<sup>30</sup> *Scapegoat*: one that bears the blame for others (<http://www.merriam-webster.com/dictionary/scapegoat>)

telah menunaikan fungsinya dalam mengalihkan ciri khas pengguna bahasa menjadi ciri khas kolokasi.

## 2.6 Sumber Kolokasi Bahasa Arab

Untuk memperoleh dan mengkaji kolokasi bahasa Arab, kita dapat merujuk kepada sumber-sumber berikut:

- a. Al-Quran al-Karim<sup>31</sup>
- b. Sunnah Nabi SAW
- c. Buku-buku klasik tentang puisi dan prosa
- d. Buku-buku teknikal khusus
- e. Majalah dan jurnal khusus
- f. Korpus bahasa

Bahasa Inggeris sudah memiliki korpus sama ada yang bersifat umum seperti *the British National Corpus*, *the Bank of English*, atau yang bersifat khusus seperti *Guardian* (Hoey, 2005: 14), dan yang dalam bentuk CD-ROM, iaitu *Collins COBUILD English Collocation on CD-ROM* hasil sebuah projek yang dipimpin oleh Sinclair,

---

<sup>31</sup> Kolokasi dalam al-Quran al-Karim dikaji dalam bentuk tesis Ph.D yang dilakukan oleh Hamādat Muḥammad ‘Abd al-Fattāh al-Ḥusaynīy (2007) yang bertajuk *الْمُصَاحَبَةُ اللُّغَوِيَّةُ وَأَثَرُهَا فِي تَحْدِيدِ الدَّلَالَةِ فِي الْقُرْآنِ* /al-muṣāḥabaṭ al-lughawīyaṭ wa atharuhā fi taḥdīd al-dilālat fi al-qur’ān al-karīm: dirāsaṭ nazariyyaṭ taṭbīqiyyaṭ/ ’kolokasi dan kesannya dalam Pengehadan makna dalam al-Quran al-karim: kajian teori dan aplikasi’.

sementara bahasa Arab – sepanjang pengetahuan penulis -- belum memiliki sumber korpus yang demikian lengkapnya.

Menurut maklumat yang diberikan oleh <http://www.qamus.org/corpus.htm>, korpus bahasa Arab dapat diperoleh dari *Linguistic Data Consortium* (LDC) dan *European Language Resources Association* (ELRA). Korpusa popular semasa utamanya terdiri dari akhbar, di antaranya al-Hayat yang setiap tahun menerbitkan arkib teks dalam bentuk CD-ROM. Selain itu, korpus dapat dihimpun langsung dari internet, seperti :

*Al-Ahram (Cairo)* <http://www.ahram.org.eg>  
*Al-Bayan (UAE)* <http://www.albayan.co.ae>  
*Al-Dustur (Amman)* <http://www.addustour.com>  
*Al-Hayat (London)* <http://www.alhayat.com>  
*Al-Nahar (Beirut)* <http://www.annaharonline.com>  
*Al-Raya (Qatar)* <http://www.raya.com>  
*Al-Riyadh (Riyadh)* <http://www.alriyadh-np.com>  
*Al-Safir (Beirut)* <http://www.assafir.com>  
*Al-Sharq al-Awsat (London)* <http://www.asharqalawsat.com>  
*Al-Watan (Qatar)* <http://www.al-watan.com>

Selain arkib akhbar, penulis dapat memperoleh sejumlah besar teks elektronik yang berasal dari pelbagai buku sama ada yang klasik atau pun yang kontemporeri, termasuk dalam bidang-bidang sebagaimana tersebut di atas sebagai sumber kolokasi bahasa Arab, termasuk pelbagai kamus dan tesaurus klasik seperti لِسَانُ الْعَرَبِ /lisān al-‘arab/ karya Ibn Manẓūr, فِقْهُ اللُّغَةِ وَسِرُّ الْعَرَبِيَّةِ /fiqhu al-lughat wa sirru al-‘arabiyyat/ karya al-Tha‘ālābiy/, بُجْعَةُ الرَّائِدِ وَشُرْعَةُ الْوَارِدِ فِي الْمُتَرَادِفِ وَالْمُتَوَارِدِ /nuj‘atu al-rā'id wa syur‘atu al-wārid fī al-mutarādif wa al-mutawārid/ karya al-Yazjiy, الْمُحْكَمُ وَالْمُحِيطُ الْأَعْظَمُ فِي اللُّغَةِ /al-muḥkam wa al-muḥīṭ al-a‘zam fī al-lughat/ karya Ibn Sīdah. Kamus dan tesaurus ini



berbentuk teks elektronik dalam format *.doc* (yang ditulis dengan software *Microsoft Word*) dapat diperoleh dari [www.almeshkat.com/books](http://www.almeshkat.com/books). Memang, teks-teks elektronik ini masih merupakan bahan mentah yang harus diolah lagi sehingga menjadi sebuah korpus. Setelah diubah menjadi format *.txt*, teks-teks elektronik tersebut diolah dengan program khusus seperti *WordSmith* dan *aConcordance* sehingga menjadi korpus yang bersedia untuk dikaji.

Kolokasi bahasa Arab selain berasal dari sumber-sumber tersebut di atas, juga berasal dari bahasa lain, terutama bahasa Inggris, yang disebut *borrowed collocation* 'kolokasi pinjaman' (Brashi, 2005: 54). Disebut pinjaman, kerana pada asalnya konsep kolokasi tersebut tidak wujud dalam bahasa Arab. Misalnya, kolokasi الْحَرْبُ الْبَارِدَة /al-ḥarbu al-bāridat/ 'perang dingin' (Emery, 1991: 62). Bahasa Arab tidak memiliki padanan kolokasi sebelum berlakunya "Perang Dingin" setelah Perang Dunia II. Oleh itu, kolokasi pinjaman seperti ini merupakan salah satu dari kolokasi bahasa Arab setakat ini.

Blau (1981: 60) menyatakan bahawa tersebar luasnya penterjemahan pinjaman dari bahasa-bahasa Eropah tidak hanya memperkaya kosa kata Bahasa Arab Standard Moden, tetapi juga memperkaya fraseologi. Menurutnya, pengaruh bahasa-bahasa Eropah itu dirasa sangat kuat dalam gaya jurnalistik, khususnya manakala para wartawan menterjemahkan dari bahasa-bahasa Eropah ke bahasa Arab.

Sejumlah contoh kolokasi diberikan oleh Blau secara rambang tanpa mengikut pengelompokkan tertentu, seperti مَكْتَبُ سَفَرٍ /maktab safar/ 'a travel agency', غُرْفَةُ تِجَارِيَّةٍ /ghurfatū tijāriyyat/ 'chamber of commerce', عَالَمُ الْمَالِ /'ālamu al-māl/ 'the financial world', وَجْهَةٌ نَظَرٍ /wujhatū nazar/ 'point of view', سَاعَةٌ صِفْرٍ /sā'atū shifr/ 'zero hour', نُقْطَةُ تَحْوِيلٍ

/nuqṭat taḥwīl/ 'a turning point', النَّقَاطُ الْهَامَّةُ /al-niqāṭ al-hāmma/ 'important points', دَانَ لَهُ بِشُكْرٍ /dāna lahu bi syukr/ 'he owed him thanks', رَفَعَ الْمُسْتَوَى /rafa'a al-mustawā/ 'to raise the level', الْعَامُ الْمُسْتَوَى /al-mustawā al-'ām/ 'general level', الْعَصْرُ الْحَجْرِيّ /al-'aṣr al-ḥajari/ 'stone ages', الْعَصْرُ الذَّهَبِيّ /al-'aṣr al-dhahabi/ 'golden age', الْمَوْضُوعَاتُ الْجَادِبَةُ /al-mawḍū'āt al-jādhibat/ 'attractive themes'.

Menurut Fāyid (2007) kolokasi bahasa Arab setakat ini berasal dari sumber yang berbeza-beza, iaitu: <sup>32</sup>

1. Ungkapan pinjaman dari bahasa asing, seperti: الْخَطُّ الْأَحْمَرُ /al-khaṭṭu al-aḥmar/ 'redline: to refuse to give financial help to a person or a business' (Rundell, 2006: 1183); الْخَطُّ السَّخِينُ /al-khaṭṭu al-sākhin/ 'hotline: talian penting' (Steel, ed., 2006: 391), أَعْطَى (فُلَانًا) الْأَخْضَرَ /a'tā (fulānan) al-ḍaw'a al-akhḍar/ 'give sth/sb the green light: memberi seseorang kebenaran' (Ibid: 353), الْكُومِيدِيَا السَّوْدَاءُ /al-kūmidya al-sawdā/ 'black comedy: funny in a cruel or unpleasant way' (Ibid: 73), فَيْرُوسَاتُ الْإِنْتَرْنِتِ /fayrūsāt al-intarnit/ 'internet virus', الْيُوبِيلُ الْفِضِّيّ /al-yūbil al-fiddī/ 'silver jubilee: an event that celebrates the fact that something has continued for 25 years' (Rundel, 2006: 1331), أَعْطَى (فُلَانًا) قُبَّعَتَهُ /rafa'a (li fulānin) qubba'atahu/ 'take off one's hat to'<sup>33</sup>, أَعْطَى (فُلَانًا) بِيْطَاقَةَ بِيْضَاءُ /a'tā (fulānan) biṭāqat bayḍā/ 'memberi seseorang kad putih', maksudnya: memberinya kebebasan berbuat. Berasal dari bahasa Prancis *blanche Carte*

<sup>32</sup> Fāyid hanya menyebutkan ungkapan-ungkapan tersebut dalam bahasa Arab tanpa memberitahu ungkapan asalnya atau maknanya. Terjemahan diberikan oleh penulis berdasar beberapa kamus, seperti *Macmillan English Dictionary* (Rundell, 2006), *A Concise Dictionary of English Idioms* (Freeman, 1973), dsb. Beberapa ungkapan, penulis terjemahkan secara harfiah kerana tidak berjaya memperoleh informasi asal dan makna ungkapan.

<sup>33</sup> Maknanya 'express unusual approval of some action of other's' (Freeman, 1973:88). Noresah bt. Baharom, et al (2005:60) menyebut ungkapan *mengangkat tabik* yang ertinya adalah memberi hormat. Makna ini senada dengan ungkapan bahasa Indonesia *angkat topi* yang maknanya sama dengan angkat kepala iaitu menaruh hormat (Maman S. Mahayana, 1997:21), tetapi kedua-dua makna dalam bahasa Melayu ini tidak senada dengan makna ungkapan bahasa Inggeris tersebut.

(Fāyid, 2007: 40), *أَوَّلُ يَدٍ* /awwal yad/ 'first-hand: langsung, secara langsung' (Steel, ed., 2006: 300).

2. Ungkapan pinjaman dari bidang sukan, permainan atau seni, seperti: *الْكُرَاتُ* *الْكُرَّةُ فِي مَلْعَبٍ (كَذَا)* /al-kart al-aḥmar (al-aṣfar) 'kad merah/ kad kuning', *الْكُرَّةُ فِي مَلْعَبٍ (كَذَا)* /al-kuraṭ fi mal'ab (kadhā)/ 'bola berada di gelanggang seseorang' yang dalam bahasa Inggeris dikenal dengan ungkapan '*the ball is in sb's court*' yang mengikut (Rundell, 2006: 92): *used for telling someone that it is their responsibility to take action or make a decision*'. Maksudnya, bahawa ungkapan tersebut digunakan untuk memberitahu seseorang tentang tanggung jawab untuk mengambil tindakan atau membuat keputusan. *اِخْتَلَطَ الْأَوْرَاقُ* /ikhtalaṭa al-awraq/ 'kertas-kertas bercampur', maksudnya: perkara-perkara menjadi kompleks, rumit (Fāyid, 2007: 13), *أَزَاحَ (فُلَانًا) عَنِ الْمَسْرَحِ* /azāḥa (fulānan) 'an al-masraḥ/ 'menyingkirkan seseorang dari panggung', maksudnya: menjauhkannya (Fāyid, 2007: 27), *أَسَدَّلَ السِّتَارَ عَلَى (شَيْءٍ)* /asdala al-sitār 'alā (syay')/ 'melabuhkan tirai pada sesuatu', maksudnya: mengabaikan atau menyembunyikan sesuatu perkara, *أُسْتُوَانَةٌ* /ustuwānah masyrūkhah/ 'cakera yang retak', maksudnya: pembicaraan yang diulang-ulang sehingga menjemukan (Ibid: 29), *أَعَادَ الْكُرَّةَ إِلَى مَلْعَبٍ (فُلَانٍ)* /a'āda al-kuraṭa ilā mal'ab (fulān)/ 'mengembalikan bola ke padang seseorang', maksudnya: mengembalikan perkara kepada penanggung jawabnya (Ibid: 39), *الْتَقَطَ الْقُفَّازَ* /iltaqaṭa al-quffāz/ 'memagut sarung tangan', maksudnya: menerima cabaran (Ibid: 51), *أَمْسَكَ* /amsaka bi khuyūṭi al-lu'bat/ 'berpegang pada benang permainan', maksudnya: menguasai, menggerakkan segala sesuatu (Ibid: 59), *أَوْرَاقَ الضَّغْطِ* /awraq al-ḍaḡḥṭ/ 'kertas tekanan', maksudnya: pelbagai cara yang boleh digunakan bagi memberi kesan kepada pihak lain (Ibid: 74), *كَشَفَ (فُلَانٌ) أَوْرَاقَهُ* /kasyafa (fulān) awraqahu/

'seseorang menyingkap kertas-kertasnya', maksudnya: berkata dengan terus terang tanpa mencuba menyembunyikan apa-apa rahsia dan tujuannya (Ibid: 414).

3. Ungkapan bersumber dari bidang perubatan, sains, atau ekonomi, seperti: جَسَّ /jassa nabḍa (fulān)/ 'to try to gain information' (Wehr, 1974: 125) Maksudnya: mencuba mendapatkan maklumat, غَسَلُ الْمُحِّ /ghaslu al-mukhkh/ 'brainwash sb: mempengaruhi fikiran seseorang (dengan tekanan jiwa) (Steel, ed., 2006: 87), الْقَمَرِ الصَّنَاعِي /al-qamar al-sinā'ī/ 'satellite: satelit' (Ibid: 686), الذِّكَاةِ الصَّنَاعِي /al-dhakā al-ṣinā'ī/ 'artificial intelligence: kecerdasan buatan' (Ibid: 38), هَبَطَتْ أَشْهُمُهُ /habaṭat ašhumuhu/ 'share prices fell (Rundell, 2006: 1305): harga saham turun', النَّزِيفِ /al-nazīf al-'ilmī/ 'pendarahan saintifik'.

4. Ungkapan berasal dari bahasa ragam percakapan<sup>34</sup>, seperti: تَطْبِيلُ الْأَرْضِ /taṭbīl al-ard/ 'memukul-mukul tanah seumpama gendang', تَصْقِيعُ الْأَرْضِ /taṣqi' al-ard/

---

<sup>34</sup> Pada 23 November 2007, penulis menghantar soalan tentang ungkapan yang berasal dari ragam percakapan ini ke forum WATA (<http://www.arabswata.org/forums/showthread.php?t=19296>). Dalam masa beberapa hari, beberapa ahli forum menghantar penjelasan. Mereka itu adalah Muḥammad 'Alīy Ḥasan (30 November 2007), Sārah 'Abd al-Ḥāfiẓ (30 November 2007), dan Khālid al-Ghiffārīy (1 Disember 2007). Meskipun demikian, masih ada beberapa ungkapan yang belum mendapat penjelasan sehingga tulisan ini dibuat. Ungkapan yang sudah diperoleh penjelasannya adalah: تَطْبِيلُ الْأَرْضِ /taṭbīl al-ard/ dan تَصْقِيعُ الْأَرْضِ /taṣqi' al-ard/. Mengikut penjelasan yang diberikan oleh Khālid al-Ghiffārīy, kedua ungkapan ini digunakan dalam perniagaan. Misalnya, seseorang membeli sebidang tanah dengan harga murah. Lalu tanah tersebut dipasang pagar dan dibiarkan selama beberapa tahun sehingga harganya menjadi mahal. Tanah itu baharu dijual ketika telah mencapai harga yang paling tinggi, biasanya ketika warga Mesir yang bekerja di luar negara pulang. Para pemilik tanah tersebut mendapatkan keuntungan yang berlipat-ganda. Khālid al-Ghiffārīy juga menjelaskan maksud dari ungkapan تَلْبِيسِ الطَّوَاقِي /talbīs al-tawāqīy/. Kata الطَّوَاقِي /al-tawāqīy/ bentuk jamak dari الطَّاقِيَّة /al-ṭāqiyat/ iaitu tutup kepala – semacam songkok -- yang biasa dipakai oleh para syaikh yang zuhud. Tutup kepala ini menjadi lambang kebaikan dan kebersahajaan. Kemudian secara metaforikal digunakan untuk menyatakan orang yang mudah tertipu, kerana kebersahajaannya itu. Ungkapan تَلْبِيسِ الطَّوَاقِي /talbīs al-tawāqīy/ boleh berubah menjadi seperti إِنَّتِ عَايِزُ تَلْبِيسِنِي الطَّاقِيَّة؟ /inta 'āyiz tilbisnī al-ṭāqiyat/? 'kamu nak pakaiankan aku tutup kepala? Maksudnya, 'kamu hendak menipu saya?'.

'pemecahan tanah', تَلْبِيسُ الطَّوَاقِي /talbīs al-ṭawāqiya/ 'memakaikan tutup kepala', تَشْمِيعُ شَارِعٍ /tasymī' syāri'/ 'melincirkan jalan dengan lilin', كُرْسِي فِي الْكُلُوبِ /kursī fi al-kulūb/ 'kerusi dalam pelita'<sup>35</sup>, كُلِّ وَاشْكُرْ /kul wa sykur/ 'makanlah dan berterima kasihlah', maksudnya: terimalah apa adanya (Ibid), سَدَاحٌ مَدَاحٌ /sadāḥ madāḥ/ 'kacau-bilau' (Fāyid, 2007: 247), لَا فِي الْعَيْرِ وَلَا فِي النَّفِيرِ /lā fi al-'īr wa lā fi al-nafīr/ 'kedudukan yang rendah, tidak diperhitungkan orang'<sup>36</sup>, أَرِنِي عَرَضَ أَكْتَفِكَ /arini 'arḍa aktāfik/ harfiah 'perlihatkanlah kepadaku lebarnya bahumu', maksudnya 'pergilah dari hadapanku' – diucapkan oleh seseorang yang kedudukan sosialnya lebih tinggi dan ungkapan ini mengandung penghinaan (Fāyid, 2007: 26), هَزَّ طَوْلَهُ /hazza ṭūlahu/ 'menggegarkan lamanya', maksudnya: bergerak (Ibid: 502), أَعْلَى مَا فِي خَيْلِكَ أَرْكَبُهُ /a'lā mā fi khaylika irkabhu/ 'ride the biggest horses you have', merupakan ancaman dari lawan yang tidak anda takuti, padanannya dalam bahasa Inggeris 'do your worst' (Maxos, 2003), خَلِّ /khalli al-bisāṭ (ahmadī) 'biarkan yang mudah (Ahmadi)<sup>37</sup>, جَرُّ الشَّكْلِ /jarru al-syakal/ 'menyebabkan percampuran', maksudnya: mencuba menimbulkan pertengkaran (Fāyid, 2007: 157), أَعْطَاهُ الطَّرْشَةَ /a'ṭāhu al-ṭarṣyaṭ/ 'memberinya orang tuli', maksudnya: mengabaikan perkaranya (Ibid: 40), يَا كُُلُّهَا وَالْعَةَ /ya'kuluhā wālī'atan/ 'memakannya dengan sangat menyukainya', diucapkan berkenaan dengan seseorang

<sup>35</sup> Ialah ungkapan yang bermaksud menutup lampu guna melarikan diri dari polis, atau mengubah suasana dari gembira (meraikan kegembiraan dengan menyalakan lampu) menjadi pergaduhan (Ḥasan, 2007)

<sup>36</sup> Kamus الْمُعْجَمُ الْعَرَبِيُّ الْأَسَاسِيُّ /al-mu'jam al-'arabīy al-asāsīy/ menjelaskannya dengan صَعِيرُ الْقَدْرِ لَا أَهْمِيَّةَ لَهُ /saghīru al-qadri lā ahammiyaṭa lahu/ 'kedudukan rendah, tidak mempunyai kepentingan'. (muka surat 881)

<sup>37</sup> Mengikut penjelasan Khālid al-Ghiffārīy, ungkapan ini bermaksud memohon agar mempermudah perkara. Diucapkan kepada orang atau sekelompok orang yang memerintahkan sesuatu pekerjaan yang membebani atau sengaja dibuat-buat agar tampak berat. Kata "Ahmadi" dinisbatkan kepada Rasulullah SAW., yang dikenal sebagai seseorang yang rendah hati dan bersahaja, meskipun beliau adalah utusan Allah.

yang mahir dalam menipu muslihat (Ḥasan, 2007), *إِيْدَكَ مِنْهُ وَالْأَرْضُ* /īdak minhu wi al-ard/ 'tanganmu daripadanya dan bumi', maksudnya: jangan menanti-nanti pertolongan daripadanya (Ibid, Fāyid, 2007: 76), *(فُلَان) تُورَ اللهُ فِي بَرَسِيمِهِ* / (fulān) thūwra allāh fi birsīmih/ 'lembu jantan Allah di rumputnya', maksudnya: bodoh, dungu (Fāyid, 2007: 150). Ḥasan (2007) menjelaskan bahawa maksud ungkapan ini adalah tentang seseorang yang sangat bodoh sehingga nyaris tidak mampu melakukan sesuatu dengan baik, dan mengukitnya, ungkapan ini tidak dibolehkan oleh syara<sup>38</sup>, *تَكْسِيرُ الْقُلَالِ* /taksīru al-qulal/ 'memecahkan jag'<sup>39</sup>, *كَعْبُ دَائِرٍ* /ka'b dāyir/ 'pergelangan kaki yang berpusing', maksudnya: dalam penderitaan yang berterusan (Fāyid, 2007: 416). Asalnya adalah perlakuan keras yang dialami oleh penjenayah dalam penjara sebagai hukuman atas perbuatan jenayah mereka yang berulang<sup>40</sup>.

5. Ungkapan berasal dari bidang ketenteraan<sup>41</sup>, seperti: *إِبْرَارٌ جَوِّيٌّ* /ibrār jawwī/ 'turunnya askar dari udara menggunakan payung terjun', *طَلْعَةٌ جَوِّيَّةٌ* /tal'aṭ jawwiyyat/ 'peninjauan dari udara, terbang'<sup>42</sup>, *سَاعَةٌ الصَّفْرِ* /sā'atu al-ṣifr/ 'zero hour', *ضَرْبَةٌ عَسْكَرِيَّةٌ*

<sup>38</sup> Maknanya senada dengan peribahasa Melayu "Ayam bertelur di padi mati kelaparan, itik berenang di air mati kehausan" (Bagindo L. Dt Nagari *et al*, 1989:15).

<sup>39</sup> "Memecahkan jag", merupakan legenda yang bermula sejak 3500 tahun lepas, iaitu pada masa pemerintahan keluarga Firaun yang ketiga belas yang dikenal sebagai era kemunduran, kerosakan tersebar di mana-mana, kekuasaan menjadi rebutan setiap orang. Kerana merasa tidak tahan menghadapi keadaan seperti ini, rakyat Mesir minta tolong kepada dukun (ahli sihir). Lalu para dukun ini membuat patung penguasa yang dikehendaki rakyat untuk dilenyapkan yang terbuat dari jag. Di atas patung itu, dukun menulis mantra terbuat dari dakwat merah. Kemudian jag patung itu pun mereka pecahkan. Rakyat Mesir percaya bahawa penguasa yang disimbolkan dengan patung itu akan segera mati. Jadi, "memecahkan jag" merupakan solusi hebat bagi mengakhiri penderitaan mereka menuju kehidupan yang lebih baik (al-Dasūqīy, 2008).

<sup>40</sup> [http://alfawanis.com/alfawanis/index.php?option=com\\_content&task=view&id=2358&Itemid=28](http://alfawanis.com/alfawanis/index.php?option=com_content&task=view&id=2358&Itemid=28), dilayari pada 28 November 2007.

<sup>41</sup> Pusat Bahasa di Jordan, *Jordan Academy of Arabic* telah berjaya membuat senarai istilah yang berkenaan dengan ketenteraan yang berasal dari bahasa Inggeris, lihat <http://www.majma.org.jo> dilayari pada 28 November 2007.

<sup>42</sup> Berasal dari bahasa Inggeris, *قَالَ الطَّيَّارُ "أ": "لَمْ نَكُنْ قَدْ قُمْنَا بِأَكْثَرِ مِنْ ١٠٠ طَلْعَةٌ جَوِّيَّةٌ فِي طَائِرَةٍ مِنْ طِرَازٍ، وَهَذَا لَيْسَ كَثِيرًا. لَمْ نَكُنْ نُدْرِكُ بَعْدُ كُلِّ مَرَايَاهَا وَحُدُودِهَا، كُنَّا لَا نَزَالُ فِي طَوْرِ التَّدْرِبِ."*

/ḍarbat̤ ‘askariyyat̤/ ‘military action’, إِيخْتِرَاقُ حَاجِزِ الصَّوْتِ /ikhtiraq ḥājiḥ al-ṣawṭ̤/ ‘penetration of the sound barrier’, خَرَقُ الْأَجْوَاءِ /kharqu al-ajwā’/ ‘air violation: pencerobohan ruang udara’, نَوْبَةُ صُحْيَانٍ /nawbat̤ ṣuḥyān/ adalah seruan bagi membangunkan orang daripada tidur (al-Ghiffārīy, 2007).

Beberapa contoh yang dikemukakan oleh Fāyid ternyata besumber dari bahasa Inggeris, sama halnya dengan yang dikemukakan oleh Blau. Oleh itu, pengelompokkan yang dibuat oleh Fāyid dapat disederhanakan menjadi (1) ungkapan yang berasal dari bahasa asing, sama ada secara umum, atau pun yang berkenaan dengan bidang-bidang khusus seperti (a) sukan, permainan atau seni, perubahan; (b) sains, atau ekonomi; (c) askar, dan (2) ungkapan yang berasal dari ragam bahasa percakapan. Apabila dikaji lebih jauh, boleh jadi ungkapan yang berasal dari ragam bahasa percakapan ini juga ada yang berasal dari bahasa asing. Oleh itu, apa yang dikemukakan oleh Fāyid tersebut termasuk pada kelompok kolokasi pinjaman, seperti yang disebut oleh Blau.

Sebagaimana dinyatakan oleh Blau di atas bahawa di antara sumber kolokasi bahasa Arab setakat ini adalah sebagai akibat dari banyaknya penterjemahan yang dilakukan para wartawan dari bahasa-bahasa Eropah ke bahasa Arab, maka dengan wujudnya kemudahan teknologi maklumat setakat ini, sejumlah besar akhbar yang disiarkan secara *online* dan dengan menggunakan pelbagai bahasa, kiranya dapat dijadikan sumber kolokasi bahasa Arab, terutama yang berupa kolokasi pinjaman. Di antara sumber yang dimaksud adalah akhbar dari *BBC online*. Di antara bahasa yang

---

[http://news.bbc.co.uk/hi/arabic/middle\\_east\\_news/newsid\\_5047000/5047884.stm](http://news.bbc.co.uk/hi/arabic/middle_east_news/newsid_5047000/5047884.stm), الإثني عشر ٥٥ يونيو

٢٠٠٦

"None of us had **flown** more than 100 missions in an F-16, which is not a lot, and the whole plane was completely new, its limitations were not completely clear, we were still learning," says Pilot A.

[http://news.bbc.co.uk/2/hi/middle\\_east/4774733.stm](http://news.bbc.co.uk/2/hi/middle_east/4774733.stm), 5 June 2006, 15:48 GMT 16:48 UK

digunakannya adalah bahasa Arab dan bahasa Indonesia. Para wartawan dari kedua-dua bahagian ini menterjemahkan akhbar yang sama dari bahasa Inggeris. Yang menarik adalah bahawa menurut pengamatan penulis, banyak ungkapan bahasa Arab yang sepadan dengan ungkapan bahasa Indonesia, sehingga seakan-akan akhbar yang dalam bahasa Indonesia itu terjemahan dari bahasa Arab atau sebaliknya. Misalnya:

Versi asal	Versi Bahasa Indonesia	Versi Bahasa Arab
<p>PM Howard condemns fake leaflets</p> <p><u>Australia's prime minister has condemned members of his own party for distributing leaflets implying the Labor opposition supports terrorism.</u></p> <p>John Howard, who trails Labor's Kevin Rudd in <u>opinion polls</u> ahead of a Saturday's general election, said the Liberal Party had not authorised them.</p> <p>The <u>flyers</u> purported to be from an <u>Islamic group thanking Labor for its sympathy for the Bali bombers.</u></p> <p>Story from BBC NEWS:  <a href="http://news.bbc.co.uk/go/pr/fr/-/2/hi/asia-pacific/7106164.stm">http://news.bbc.co.uk/go/pr/fr/-/2/hi/asia-pacific/7106164.stm</a></p> <p>Published: 2007/11/22            12:11:50 GMT</p> <p>© BBC MMVII</p>	<p>Howard kecam selebaran palsu</p> <p><u>Perdana Menteri Australia John Howard mengecam anggota partainya yang menggunakan selebaran palsu, yang mengatakan Partai Buruh mendukung pembom bunuh diri.</u></p> <p><u>Brosur</u> tersebut disebar di daerah Sydney, <u>yang seolah-olah berasal dari sebuah kelompok Islam, yang mengucapkan terima kasih kepada Partai Buruh</u> karena <u>menunjukkan rasa simpati</u> kepada para pelaku bom Bali.</p> <p>Perdana Menteri Howard sedang berusaha memenangkan masa jabatan yang kelima, namun <u>jajak pendapat</u> menunjukkan Kevin Rudd masih unggul.</p> <p>22 November, 2007 -            Published 11:27</p>	<p><b>فضيحة بالي تهز الحزب الحاكم قبل انتخابات استراليا</b></p> <p><u>أدان</u> رئيس الوزراء الأسترالي جون هوارد بشدة المنشورات الدعاية الانتخابية التي حاولت تشويه حزب العمال المعارض باتهامه بالتعاطف مع المتطرفين</p> <p>...</p> <p>وكانت المنشورات التي وزعت في سيدني منسوبة إلى جماعة إسلامية وجاء فيها إنها تشكر حزب العمال على تعاطفه مع منفذي تفجيرات بالي. وتشير آخر استطلاعات الرأي إلى تفوق حزب العمال بزعامة كيفين رود على الحزب الليبرالي ...</p>



Dari petikan akhbar di atas, kita memperoleh kolokasi bahasa Arab dengan pola KK + KSN + KN, yaitu أَذَانٌ بِشِدَّةٍ /adāna bi syiddat/ yang merupakan terjemahan dari KK bahasa Inggris *condemned*. Wartawan Indonesia menterjemahkannya dengan 'mengecam'. Selain juga pola KN + KSN, yaitu مَعَ التَّعَاطُفِ /al-ta'āṭuf ma'a/ terjemahan dari *sympathy* yang diterjemahkan ke bahasa Indonesia dengan 'rasa simpati'. Juga pola KN + KN جَمَاعَةٌ إِسْلَامِيَّةٌ /jamā'ah islāmiyyat/, terjemahan dari *Islamic group* yang dalam bahasa Indonesia disebut 'kelompok Islam'. Selain itu terdapat istilah yang kerap digunakan dalam wacana politik, yaitu اِسْتِطْلَاعَاتُ الرَّأْيِ /istiṭlā'at al-ra'yi/ yang merupakan kolokasi pinjaman, sebagai terjemahan dari istilah bahasa Inggris *opinion polls* yang diterjemahkan ke bahasa Indonesia menjadi 'jajak pendapat'. Ketiga-tiga kutipan akhbar di atas bersumber dari: <http://www.bbc.co.uk/>; <http://www.bbc.co.uk/indonesian/>; dan <http://news.bbc.co.uk/hi/arabic/news/>. Apabila dikumpulkan terus menerus, akan menjadi sebuah korpus yang sangat berguna bagi pelbagai penyelidikan linguistik, termasuk tentang kolokasi pinjaman yang tentu saja akan terus bertambah seiring dengan perkembangan peristilahan dalam dunia yang sering disebut orang sebagai dunia tanpa sempadan ini.

## 2.7 Penutup

Dari pembahasan di atas dapatlah kiranya disimpulkan bahawa bahasa Arab memiliki sejumlah besar kolokasi dalam pelbagai buku, sama ada yang berupa kamus, tesaurus, bahkan dalam sumber utama ajaran Islam iaitu al-Quran al-Karim dan Sunah Nabi SAW.

Kajian terhadap kolokasi dalam bahasa Arab wujud sama ada sebagai kajian di bidang semantik, leksikografi, nahu, terjemahan, atau ilmu semantik teori. Baru-baru ini kajian terhadap kolokasi ini juga dimasukkan dalam bidang linguistik korpus. Kajian seperti ini diharapkan dapat memberikan sumbangan bagi leksikografi di samping untuk menyelidik fenomena kolokasi dalam bahasa Arab.

Pembahasan tentang kolokasi dan kaitannya dengan masalah penterjemahan akan disajikan dalam bab berikut.